


VOL 06
NOVEMBER 2022
ISSN 2600-7215

DIGES JPA

JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA



eISSN 2990-9031



9 772990 903005

DIGES ILMIAH

JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA



Edisi Keenam 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan cara sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau apa acara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Merlimau Melaka. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

ISSN 2600-7215

Pereka Kulit: MOHD LOKMAN

Diatur huruf oleh
Mohd Lokman bin Ahmad

Diterbitkan di Malaysia oleh:
POLITEKNIK MERLIMAU
KB 1.30 Pej Pos Merlimau
77300 Merlimau Melaka

Sidang Redaksi

Penaung

Mejar Norizam bin Sekak

Penasihat

Sr. Mohamad Kelana bin Juwit
Mohamad Hoirie bin Abd Manah
Mohd Faizal bin Mat Pesa

Penyusun

Mohd Lokman Bin Ahmad
Nur Fazila binti Shamsuddin
Nur Farhana binti Misno

Kata-kata Hikmah

"Ilmu itu bagaikan binatang buruan, sedangkan pena adalah pengikatnya, maka ikatlah buruanmu dengan tali yang kuat." - Imam Syafi'i

BIL.	ISI KANDUNGAN	M/S
1.	TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TENTANG KONSEP MENUTUP AURAT Mohd Faizal Mat Pesa ^a , Nurul Sa`adah Mohyeddin ^b	8
2.	ENGAGING POLYTECHNICS ACROSS BORDERS Rozaina Binti Abd Latif ^a , Marina Binti Abu Bakar ^b	18
3.	HAK WANITA DALAM ISLAM: SATU SOROTAN TERHADAP WANITA ISLAM BERKERJAYA Munirah Mustaffa ^a , Siti Noor Hussain ^b , Shahrizah Husin ^c	27
4.	KEPERLUAN MODUL BAHASA ARAB PELANCONGAN UNTUK PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP) POLITEKNIK MERLIMAU Hidayat bin Shafie ^a , Naimah Ghazali ^b , Siti Noor binti Hussain ^c , Politeknik Merlimau, Melaka	37
5.	TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN INOVASI eCadangLupus (eCLupus) DI KOLEJ KOMUNITI TAMPIN Nur Farhana Binti Misno ^a , Nurul Johanna Binti Jemain ^b ,	48
6.	ISLAMISASI ILMU SATU ANALISA DENGAN REALITI MASA KINI Mohd Lokman Bin Ahmad	53
7.	THE EFFECTIVENESS OF TYC KIT (TACKLE YOUR CLASS KIT) DURING ONLINE CLASSES Nor Fazila Binti Shamsuddin	72
8.	KESUKSESAN BERMULA DARI KEMAHUAN YANG KUAT Farahaniza Binti Hj. Jaafar ^a , Mohd Lokman Bin Ahmad ^b ,	81

Prakata

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinan-Nya, Diges Ilmiah JPA Politeknik Merlimau ini telah berjaya diterbitkan untuk kali ke-6. Saya percaya dalam menjayakan penerbitan Diges ini, pelbagai rintangan dan halangan telah dilalui oleh semua pihak. Justeru itu, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua penulis kertas kerja dan editor kerana bertungkus lumus menggembeleng tenaga dan fikiran mengumpul semua kertas kerja serta membuat suntingan bai menzahirkan penerbitan Diges Ilmiah JPA ini.

Kepelbagaian medium transformasi ilmu dalam bidang Pendidikan perlu untuk memenuhi perubahan dan anjakan paradigma baru sejajar dengan zaman. Diharapkan melalui penerbitan Diges Ilmiah ini., wujud satu pelantar untuk perkongsian dan menggalakkan aktiviti penulisan dan percambahan ilmu pengetahuan bagi mengembangkan profesionalisme dan kompetensi di kalangan kakitangan dan pensyarah di PMM ini.

Pada kesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua pensyarah dan kakitangan Politeknik Merlimau, agar dapat meneruskan usaha dan budaya penulisan ini agar ianya dapat dibudayakan sebagai salah satu cabang ilmu dan penyebaran maklumat untuk menjadikan PMM sebuah institusi ilmu yang terulug, baik di rantau setempat mahupun di peringkat antarabangsa. Semoga melalui budaya ini juga mampu melahirkan graduan yang memenuhi keperluan negara bagi mencapai status Politeknik yang cemerlang dan gemilang.

Wassalam.

Mejar Norizam bin Sekak

Pengarah

Politeknik Merlimau Melaka

Kata-kata Aluan

Assalamualaikum WBT

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pengajian Am kerana telah berjaya menghasilkan sebuah himpunan penulisan Diges Ilmiah secara tahunan. Diges keluaran kali ini adalah untuk tahun ke 6. Bahan penulisan yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah JPA ini berfokuskan kepada pembelajaran dalam talian, Pendidikan, falsafah, akidah, ekonomi dan sebagainya.

Semua ahli Jawatankuasa terlibat harus menerima pujian dan penghargaan kerana dalam kesibukan menjalankan tugas sebagai pensyarah, mereka masih berpeluang untuk menyumbangkan bahan yang amat berharga untuk warga Politeknik. Kita sedar bahawa amat kurang bahan bacaan untuk warga politeknik yang seperti ini, maka adalah diharapkan dengan penghasilan Diges Ilmiah ini dapat menambahkan lagi koleksi bahan-bahan ilmiah untuk rujukan kita semua.

Semoga dengan penerbitan diges ilmiah ini akan memberi manfaat kepada kita semua dan dikurniakan ganjaran pahala dari yang Maha Esa sekaligus menyemarakkan lagi penerbitan bahan-bahan ilmiah, pembentangan dan penyelidikan di kalangan pensyarah-pensyarah Politeknik Merlimau Melaka.

Mohd Faizal bin Mat Pesa
Ketua Jabatan
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Merlimau Melaka

TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR TENTANG KONSEP MENUTUP AURAT

Mohd Faizal Mat Pesa
Politeknik Merlimau, Melaka

Nurul Sa`adah Mohyeddin
Sekolah Kebangsaan Merlimau

ABSTRAK

Pengetahuan tentang konsep menutup aurat bukan sekadar mengetahui namun perlu kepada penghayatan dan kesedaran dengan pelaksanaannya. Terdapat Segelintir masyarakat yang beranggapan aurat hanya perlu ditutup ketika di dalam solat sahaja dan tidak lagi apabila berada di luar solat. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat yang melibatkan 90 orang pelajar semester satu Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau. Kajian ini adalah berbentuk kajian diskriptif dihuraikan dalam bentuk min dan peratus. Data diperoleh daripada soal selidik dan dianalisa menggunakan SPSS 25.0. Dapatan kajian mendapati secara keseluruhannya, Tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat berada pada tahap sangat baik dengan min keseluruhan 3.85. Pihak pengurusan Politeknik khususnya boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan dan menjalankan peranan masing-masing dalam melahirkan pelajar yang dapat memahami konsep aurat dengan baik dan mempraktikkannya secara istiqamah dalam kehidupan bagi melahirkan generasi yang berkualiti demi kelestarian pembangunan modal insan negara.

(**Kata kunci:** Tahap, pengetahuan, pelajar, menutup aurat)

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama syumul dan dijadikan panduan cara hidup manusia mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Kehidupan harian manusia di dunia ini berteraskan kepada ketauhidan kepada maha pencipta (Mahyuddin 1996). Segala yang dilarang dan ditegah dalam Islam mempunyai kebaikan kepada umat manusia ini kerana Islam adalah agama yang sempurna.

Semua manusia sama ada orang mukmin atau kafir, perlu menyerah diri kepada Allah dengan mematuhi perintah dan larangannya kerana mereka semua adalah makhluk dan hamba Allah (Asmawati Suhid,2009). Salah satu perintah yang termasuk dalam perbincangan ini adalah kewajipan menutup aurat oleh seluruh umat Islam. Hikmah dan tujuan menutup aurat adalah bagi memelihara maruah dan kehormatan serta menghindarkan diri daripada dosa dan kejahatan. Secara terperinci garis panduan menutup aurat telah dihuraikan dalam al-Quran. Antara Firman Allah yang bermaksud:

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.

(Surah an-Nur:31)

Ayat diatas secara jelas menerangkan tentang cara menutup aurat bagi wanita namun menimbulkan persoalan kepada kita mengapakah masih ada dikalangan mereka ini tidak menutup aurat? Ada juga wanita hari ini menutup aurat tetapi tidak sempurna kerana dipengaruhi fesyen terkini dan kesesuaian peredaran zaman. Hal ini menggambarkan seolah-olah masyarakat kita tidak faham atau masih keliru dengan cara menutup aurat yang betul. Oleh itu kajian ini dilaksanakan untuk meninjau tahap pengetahuan pelajar tentang kefahaman menutup aurat dikalangan pelajar seperti yang dituntut oleh Agama Islam.

KONSEP AURAT DALAM ISLAM

Konsep aurat khususnya dikalangan wanita amat luas jika dibincangkan dari aspek batasannya. Antaranya aurat di dalam solat atau diluar solat, ditempat tertutup atau terbuka, di depan mahram, dihadapan perempuan muslim, bersama perempuan bukan Islam dan di hadapan lelaki yang bukan mahram.

Perkataan aurat dalam Bahasa Melayu berasal daripada perkataan yang sama, iaitu “aurat” dalam Bahasa Arab. Dari segi Bahasa menurut Ibnu Al-Manzur, (1990) ia mempunyai pengertian yang banyak, antaranya ialah kemaluan (al-sau'at). Istilah Aurat juga boleh diertikan sebagai keaiban (Muhammad Abdul Aziz, 2009). Manakala menurut Istilah Fiqh bermaksud bahagian tubuh badan seseorang yang wajib ditutup atau dilindungi daripada pandangan mata seseorang yang bukan mahram.

Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyebut tentang aurat antaranya perkataan aurat merujuk kepada kemaluan dan perkara yang berkaitan dengannya seperti dalam firman Allah yang bermaksud:

"Katakanlah kepada wanita yang beriman, hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutup kain tudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka atau ayah mereka atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka atau putera-putera suami mereka atau saudara-saudara mereka atau putera-putera saudara lelaki mereka atau putera-putera saudara perempuan mereka atau wanita-wanita Islam atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat wanita."

[al-Nur (24): 31]

Selain itu juga dalil perkataan aurat yang merujuk kepada masa atau keadaan yang boleh memalukan, iaitu dalam firman Allah yang bermaksud:

"Hai orang yang beriman, hendaklah budak-budak (lelaki dan wanita) yang kamu miliki dan mereka yang belum baligh di antara kamu, meminta izin kepada kamu tiga kali (dalam satu hari) iaitu sebelum sembahyang subuh ketika kamu menanggalkan pakaian (luar) mu, di tengahari dan sesudah sembahyang isyak (itulah) tiga aurat bagi kamu. "

[al-Nur (24): 58]

Manakala dalil dalam hadis nabi pula antaranya yang bermaksud:

"Sesiapa yang di dunia ini menutup kemaluan mana-mana orang Islam, Allah akan melindunginya (daripada apa-apa yang memalukan) di hari kiamat."

[Hadis riwayat Aqmad]

Daripada dalil al-Quran mahu pun hadis di atas maka dapat disimpulkan bahawa aurat itu terbahagi kepada dua iaitu yang pertama pengertian khusus yang merujuk kepada makna "kemaluan" dan perkara yang berkaitan dengannya secara fizikal dan yang kedua pengertian umum iaitu apa sahaja yang dilihat kurang menyenangkan kalau terdedah kepada orang lain, baik yang bersifat moral atau fizikal.

LATARBELAKANG MASALAH KAJIAN

Kewujudan etika pemakaian pelajar ketika di dalam kampus adalah baik namun masih terdapat sebilangan pelajar hanya mematuhi semasa dalam kampus sahaja dan sebaliknya apabila mereka berada diluar kampus pengajian. Hal ini disebabkan kurang memahami maksud menutup aurat yang sebenar seperti mana yang dianjurkan oleh syariat Islam. Sekiranya etika pemakaian ini

tidak ditetapkan nescaya ada pelajar yang akan hadir ke kuliah dengan tidak bertudung dan berpakaian yang nipis, ketat dan jarang. Mereka beranggapan pakaian biarlah ringkas asalkan menutup aurat sudah memadai dan memenuhi tanggungjawab muslim untuk menutup aurat.

Ada juga dikalangan mereka beranggapan menutup aurat ini adalah perkara yang meremehkan sehingga mengabaikan prinsip-prinsip menutup aurat. Sebilangan pelajar juga mengetahui kewajipan menutup aurat tetapi tidak mahu mengamalkannya. Bahkan ada dikalangan pelajar tidak mengetahui langsung tentang konsep menutup aurat yang sebenar. Kebanyakan pelajar menutup aurat kerana kebiasaan mereka yang beragama islam adalah menutup aurat bukan disebabkan oleh kefahaman Islam mereka sendiri tentang tuntutan menutup aurat tersebut. Hal ini berpunca daripada latar pendidikan agama yang kurang dititikberatkan oleh ibu bapa berkaitan cara berpakaian yng sebenar mengikut syarak.

Terdapat juga segelintir pelajar yang menutup aurat dengan tidak sempurna seperti memakai tudung tetapi memakai baju yang ketat dan nipis dan ada juga pelajar yang bertudung tetapi mengenakan baju berlengan pendek. Oleh itu pengkaji ingin meninjau tahap pengetahuan pelajar semester satu Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau khususnya tentang kefahaman menutup aurat seperti yang dituntut oleh Agama Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Objek kajian yang ditetapkan adalah:

1. Menganalisa tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat mengikut syariat Islam
2. Menganalisa tahap kefahaman pelajar tentang konsep menutup aurat berdasarkan jantina

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian diskriptif diuraikan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Data diperoleh daripada soal selidik dan dianalisa menggunakan SPSS 25.0. Semua maklumat tersebut diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan ditafsirkan secara kuantitatif. Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik telah menjalankannya melalui dua kaedah penyelidikan iaitu melalui kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Seramai 90 orang

pelajar Politeknik Merlimau semester 1 telah terlibat sebagai sampel kajian daripada Jabatan Perdagangan. Manakala item soal selidik diadaptasi daripada kajian Asmawati Suhid et.al, (2013). Nilai pekali Alpha untuk kajian bagi tahap kebolehpercayaan soal selidik adalah tinggi iaitu 0.942. Semua analisis data berbentuk deskriptif dihuraikan oleh pengkaji berdasarkan jadual interpretasi skor Sahandri Gani Hamzah (2011) seperti di jadual 1 berikut:

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Min Skor	Tahap
1.00 – 1.99	Rendah
2.0 – 2.99	Sederhana
3.0 – 4.0	Tinggi

Sumber: Sahandri Gani Hamzah (2011)

DAPATAN KAJIAN

Kajian melibatkan seramai 90 orang pelajar semester satu Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau yang terdiri daripada 24 orang pelajar lelaki dan 66 orang pelajar perempuan. Peratusan responden yang tinggal dibandar lebih tinggi iaitu 58.9 peratus berbanding di luar bandar iaitu 41.1 peratus. Manakala dari aspek pendapatan keluarga pula masing-masing dengan purata bawah RM3000 paling ramai iaitu 47.8 peratus, diikuti RM3001-RM7000 dan paling sedikit purata pendapatan RM7000 ke atas iaitu 7.8 peratus.

Pengkaji menetapkan semua responden adalah bergama Islam dan terdiri daripada bangsa Melayu. Namun terdapat beberapa orang responden yang terdiri daripada pelajar yang berbangsa India yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 2: Tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat

Bil.	ITEM	Min	Kekerapan	
			Sangat Tahu	Peratus
1	Aurat seorang lelaki adalah dari lutut hingga ke pusat	3.90	83	92.2
2	Aurat seorang perempuan seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan	3.96	87	96.7
3	Haram mendedahkan aurat kepada individu bukan muhrim	3.90	80	88.9
4	Menutup aurat WAJIB bagi setiap individu Muslim yang Baligh	3.92	81	90
5	Kewajipan menutup aurat bukan hanya dalam solat sahaja	3.81	84	84
6	Individu yang membuka aurat adalah berdosa besar	3.90	77	85.6
7	Menutup aurat menunjukkan keperibadian muslim yang baik	3.92	85	94.4
8	Kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah	3.57	86	86
9	Kewajipan menutup aurat selari dengan peredaran zaman	3.79	63	70
10	Individu muslim akan dilaknat oleh Allah apabila mengabaikan kewajipan menutup aurat	3.85	76	76
Purata Min=3.85				

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian tahap pengetahuan pelajar semester satu Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau tentang konsep menutup aurat. Tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan 3.85.

Para pelajar sangat mengetahui aspek fizikal aurat yang wajib ditutup sama ada pelajar lelaki mahupun perempuan dengan min masing-masing 3.90 dan 3.96. Manakala aspek hukum pula 90 peratus pelajar mengetahui kewajipan menutup aurat. Seramai 88.9 peratus pelajar mengetahui hukum haram mendedahkan aurat kepada individu bukan muhrim. Namun masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang tidak mengetahui Individu yang membuka aurat adalah berdosa besar iaitu 3.3 peratus (3 orang).

Manakala aspek aplikasi aurat di luar solat pelajar juga tinggi dengan min 3.8. Begitu juga aspek kelebihan dan azab jika tidak menutup aurat menunjukkan pengetahuan pelajar yang baik dengan min masing-masing antara 3.57 dan 3.92. Selain itu juga majoriti pelajar mengetahui dan faham bahawa Individu muslim akan dilaknat oleh Allah apabila mengabaikan kewajipan menutup aurat. Namun item kewajipan menutup aurat selari dengan peredaran zaman hanya 70 peratus pelajar yang sangat mengetahui bahawa walaupun zaman berubah namun aurat tetap wajib dijaga dan selebihnya kurang tahu dan tidak tahu akan hal yang demikian. Hal ini disebabkan ada sebilangan kecil dikalangan responden merupakan bukan Islam dan pelajar berbangsa India.

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian t tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan jantina dalam tahap pengetahuan pelajar ($p=0.222$, $p.>0.05$). Ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama.

Jadual 3: Ujian t tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat

Perkara	Jantina	N	Mean	Nilai p
Tahap Pengetahuan	Lelaki	24	3.50	0.222
	Perempuan	66	3.83	

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan para pelajar amat mengetahui konsep menutup aurat mengikut syariat dengan skor min yang diperolehi melebihi 3.5. Hal ini disebabkan pelbagai medium media massa dan gajet seperti telefon pintar yang wujud pada hari ini majoriti digunakan oleh para remaja. Dapatan kajian ini selari dengan beberapa dapatan kajian seperti kajian Roslinda Sabiran (2007) tentang persepsi pelajar darjah khas Sekolah Agama Bandar Penawar terhadap amalan menutup aurat, kajian Asmawati Suhid et.al (2013) mengenai tahap pengetahuan pelajar

IPTA tentang konsep menutup aurat, Mohd Azlan (2016) kajian batas aurat dan pergaulan sosial di Kolej Matrikulasi Kedah dan kajian Faiz Syahrin,(2018) tahap kefahaman pelajar tentang menutup aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet sukan sekolah-sekolah di Perak.

Jika dilihat dari aspek hukum pula majoriti pelajar amat mengetahui kewajipan menutup aurat, aspek batasan aurat dan hukum dosa jika tidak menutup aurat ini kerana pelajar telah didedahkan ilmu asas agama ini diperingkat sekolah lagi. Manakala aspek pengetahuan pelajar terhadap aplikasi aurat di luar solat adalah tinggi dengan min 3.81. Hal ini disebabkan pelajar bukan sahaja mengetahui konsep menutup aurat tetapi mengamalkannya di luar solat. Pelajar dalam kajian ini juga menyedari aspek kelebihan menutup aurat dan azab jika tidak menutup aurat kerana sudah diberi penerangan oleh para ustaz dan ustazah ketika di sekolah lagi. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian Nur 'Izzah dan A'dawiyah (2018) yang mengatakan bahawa pelajar berasa takut dan berdosa jika mendedahkan aurat dengan sengaja kajian di SMK Titingan Tawau Sabah dengan min 3.74

Pelajar juga tahu dan sedar mengenai kewajipan menutup aurat adalah perintah Allah namun masih ada sebilangan kecil pelajar yang mengambil ringan akan hal ini dengan berpakaian mengikut fesyen terkini dengan mengabaikan cara berpakaian yang selari dengan hukum agama. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati para pelajar mempunyai ilmu asas agama yang baik dalam memahami konsep menutup aurat dengan sempurna mengikut hukum syarak. Begitu juga para pelajar mengetahui menutup aurat menggambarkan keperibadian muslim yang baik. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Nor Azliza Shariff (2005) yang mengatakan keperibadian luaran seseorang itu adalah dengan menutup aurat terlebih dahulu dan kajian Abdullah dan Norliza (2010) juga menjelaskan bahawa sekiranya aurat seseorang tertutup maka akhlak akan terpelihara. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa akhlak seseorang itu akan dapat diketahui melalui cara berpakaian seseorang dan seterusnya menjadi lambang keperibadian hidup muslim tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, majoriti pelajar mengetahui dan memahami konsep menutup aurat mengikut syariat Islam dan hukum-hakam berkaitan dengannya. Pengamalan menutup aurat tetap diamalkan pelajar walaupun di luar solat dan rata-rata daripada mereka mengetahui bahawa menutup aurat adalah perintah Allah dan akan dikenakan azab jika mengingkarinya. Namun masih ada pelajar yang masih keliru cara menutup aurat dengan sempurna. Jesteru, semua pihak perlu memikirkan bagaimana cara agar pelajar khususnya dan umat Islam amnya sentiasa mengamalkan amalan menutup aurat yang bertepatan dengan syariat Islam dan kekal istiqamah dalam melaksanakan perintah Allah ini dalam usaha menjadi Muslim dan Mukmin yang sejati dan diredai olehnya.

RUJUKAN

- Abdullah Sulong dan Norliza Ahmad (2010) *Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor*. Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Pelajar Tahun Empat. Satu Kajian Di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.pp. 1-8. (Unpublished)
- Asmawati Suhid. (2009). Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Asmawati Suhid, Mohd. Faizal Mohd Zain, Abd. Muhsin Ahmad dan Mohd Aderi Che Noh (2013). Tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat: Suatu tinjauan umum. *Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 2013.
- Faiz Syahrin Abdul Muin (2018). Tahap kefahaman pelajar tentang menutup aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet sukan sekolah-sekolah di Perak.Tesis Sarjana Syariah.APIUM Kuala Lumpur.
- Mahyuddin Abdullah. (1996). Al Iman Dan Islam, Al-Hidayah Publisher.
- Mohd Azlan, Md Saad (2016) *Pemahaman pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap batas aurat dan pergaulan sosial: kajian di Kolej Matrikulasi Kedah*. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Abdul Aziz Amru. (2009). Pakaian dan Perhiasan dalam Islam. Darul Fikir Sdn.Bhd.

Nor Azliza Shariff. (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Kewajipan Menutup Aurat: Satu kajian ke atas pelajar Aliran Teknikal di Institusi Teknologi Perindustrian, Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda.

Nur 'Izzah Jainudin dan A'dawiyah Ismail, (2018) *Faktor pengetahuan amalan batas aurat dan pergaulan remaja perempuan SMK Titingan Tawau Sabah*. Jurnal Hadhari, 10 (2). pp. 141-158. ISSN 1985-6830.

Paizah Hj Ismail (2004) Aurat wanita: Konsep Dan Hukum Mengenaunya.

Roslinda Sabiran (2007). *Persepsi pelajar darjah khas sekolah agama bandar penawar terhadap amalan menutup aurat*. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Projek Sarjana Muda.

ENGAGING POLYTECHNICS ACROSS BORDERS

Rozaina Binti Abd Latif

Marina Binti Abu Bakar

Politeknik Merlimau

ABSTRACT

Despite not being listed in the Key Performance Indicator (KPI) of Polytechnics, the number of international student exchange activities that had escalated during the pre- covid era sparked new momentum in Polytechnics. The opportunities that came knocking on the doors enabled students and lecturers to develop and be developed in terms of collaboration, communication, and generic skills. The first KPI related to Internationalization was introduced to the Conventional Polytechnics in 2020, concerning the number of students involved in the outbound student exchange programmes. This article looks at the implementation of inbound and outbound programmes carried out at Merlimau Polytechnic (PMM) and Melaka Polytechnic (PMK) liberating the impacts and challenges faced. Although numerous programmes and activities had been carried out, this article will highlight the high impact programmes namely SEAMEO student exchange programmes, Fasilkom English Festival (FEF), and Inbound Students Mobility Guangzhou Polytechnic of Construction (GZPC). It is hoped that this article will shed some light on the implementation of a few activities carried out by the 2 polytechnics and thus will help to initiate and execute more internationalization and student mobility programmes.

BACKGROUND

The Malaysia Education Blueprint 2015-2025(Higher Education) highlighted 10 shifts to be looked into and used as a reference for Higher Education. The 8th shift focused on Global Prominence and pushed Malaysian Institutions to raise the nation's education brand to the next level. Aiming to be globally recognized for quality education, the Ministry of Higher Education has encouraged inbound and outbound programmes to enhance students' experience and develop generic skills. In achieving this, institutions needed to collaborate with other ministries and agencies, increase the intake of international students as well as, and strengthen promotion and marketing. 2016 saw the establishment of International relations units in polytechnics, which was a stepping stone for many, as it showed the acknowledgment and support from the Polytechnic and Community Colleges Education Department (JPPKK). The involvement of

polytechnics in a range of programmes and activities across borders is nothing new. Despite not being a Key Performance Indicator (KPI) and having constraints of the budget as well as time, lecturers constantly excel in going that extra mile to fulfill the 6 strategies namely, international collaboration, borderless learning environment, international recognition, articulation programmes, access to international students and portrayal of international perspective. The signing of the collaboration document known as the Agreed Minutes of Meeting (AMM), further enabled institutions to implement student and teacher exchange programmes to ensure active and impactful collaboration. The first KPI for international programmes for the Conventional Polytechnics was first introduced in 2020 with the number of students involved in inbound and outbound programmes being stressed on. Exposure to these international programmes can enhance students' communication skills as well as develop their generic or transferable skills such as leadership skills, teamwork, self-management, and digital literacy. These programmes also provided opportunities for students to develop their confidence as well as portray the quality of Malaysian Polytechnic Education. It is hoped that these experiences gained will lead to a higher student employability rate. The last 5 years of the pre-Covid era have seen a raise in the involvement of Malaysian Polytechnics in a variety of inbound and outbound activities. COVID-19 saw a quick dip in international programmes before gradually picking up through virtual programmes such as a webinar, virtual internships, e-games, and others. It is hoped that the endemic will see a more active

THE REPORT ON THE INBOUND AND & OUTBOUND PROGRAMMES

1. 4TH BATCH OF SEA-TVET STUDENT EXCHANGE PROGRAMME UNDER THE SEAMEO POLYTECHNIC NETWORK IN SOUTHEAST ASIA

The implementation of the 4th batch of the SEA-TVET Student Exchange Program was agreed upon at the 5th SEAMEO Polytechnic Network Meeting which was held on the 26th and 27th of March 2019 in Ipoh, Malaysia. The meeting was attended by representatives of institutions from 5 countries; namely Indonesia, Malaysia, the Philippines, Thailand, and Vietnam. The SEAMEO secretariat collaborated with 72 Technical and Vocational Institutions and universities within the

region which comprised participants from Indonesia, the Philippines, Malaysia, Thailand, and Vietnam. The student exchange mobility program was conducted for four weeks dated from 17th August 2019 until 20th October 2019.

Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) was the Receiving and Sending institution for the above-stated program. PMM received three (3) Inbound students who were from Politeknik Negeri Bali, Indonesia while simultaneously PMM sent five (5) Outbound students who took part in this program. Two (2) students were sent to Politeknik Negeri Sriwijaya, Palembang, Indonesia, and three (3) students were sent to Politeknik Negeri Bali, Indonesia. The Inbound students were Ni Luh Tillatama Sidhirastu majoring in Accountancy, Ni Kadek Reni Budiadnyani majoring in Business Management and lastly Putu Ary Mas, majoring also in Accountancy. On the other hand, the Outbound students were from different departments and they went to two different Receiving institutions. Three students who went to Politeknik Negeri Bali were Muhammad Haqim Bin Hairul Nizam; majoring in Business Studies, Shangkari d/o Kumar; majoring in Accountancy together with Kausaliyah d/o Poobalan. Whereas, the two Outbound students who went to Politeknik Sriwijaya, Palembang, Wan Muhammad Syahmi Bin Mohamad Nazir who did Tourism Management, and Muhammad Nadzmi Bin Mohd Ariffin who was a Civil Engineering student.

Both the Inbound and Outbound students had the privilege of learning the study culture and education system of the Host or Receiving institutions. This is because the Inbound and Outbound students were together with their Host or Receiving counterparts to resume their studies there and they were experiencing the lifestyles, the cultures of the local students as well as the local people where the institutions are.

2. FASILKOM ENGLISH FESTIVAL (FEF)

Fasilkom English Festival (FEF) has been one of the platforms for PMM students to gain more exposure to polish their potential via being committee members and taking part in the competitions held, namely Speech, Debate, News casting, and the latest competition hosted – Scrabble. The festival has been organized by the Intel English Group of Computer, Universitas Sriwijaya (UNSRI).

Five PMM students were in committee members of the FEF in 2021 and 2022. These students had weekly meetings with the main committee of the host institution – the UNSRI students committee. PMM committees were assigned with different tasks according to divisions or categories in running the FEF smoothly.

PMM students have been taking part in FEF since 2020, starting with four (4) students taking part in Speech Competition while one (1) student took part in News casting Competition. In 2021, PMM submitted thirty-one (31) participations for the overall Speech, News casting, and Debate competitions. The Debate team managed to get 2nd place in the competition. In 2022 recently, PMM took part in all four categories -- Speech, News casting, Debate, and the latest introduced competition was Scrabble. The participation was fully conducted online. PMM students managed to advance to the Final round of all categories.

The rise in the total number of students who have successfully advanced to the semi and final rounds clearly demonstrates good progress, in the effort to honor the agenda of internationalization in PMM.

3. GUIZHOU POLYTECHNIC OF CONSTRUCTION, GUIYANG CHINA

Discussions between the Polytechnic and Community Colleges Education Department (JPPKK) and Guizhou Polytechnic of Construction, Guiyang China (GZPC) in 2017 led to two -way programmes between Malaysia and China involving teacher and student exchange programmes. In December 2018, 16 students from Guizhou Polytechnic of Construction, Guiyang China led by their coordinator Dr Bong Wellington came to Malaysia to expose the China students to the Malaysian culture and education system. The Polytechnic and Community Colleges Education Department (JPPKK) involved 5 polytechnics including both Melaka Polytechnics and 3 Community Colleges in handling the 2week program in Malaysia. The different Malaysian Institutions carried out a variety of activities to fulfill the different objectives listed by GZPC. While Merlimau Polytechnic looked into the cultural experiences and arranged the Village Tour which included Batik printing and rubber tapping, Melaka Polytechnic looked into the use of English and exposure to UNESCO historical sites in Melaka town through explore race activities. The exposure of student-centred English activities through language games were an eye opener for the grammar-based lessons that the Chinese students were used to. This program opened up

opportunities for collaboration which resulted in a lecturer and 4 students from Melaka Polytechnic being fully sponsored to go to China for a week to share student-centred English activities with the lecturers and students.

4. VIRTUAL PROGRAMMES

Although the COVID-19 Pandemic may have shocked the world, it surprisingly resulted in a rise of international programmes. With a little creativity and a near-zero budget, a variety of online were carried out by the Malaysian Polytechnics. Apart from virtual internships, courses, webinars and seminars, Melaka Polytechnic also ventured into other areas with their collaborators with 2 out of the box programmes. The first being a Virtual Aerobic with 4 of their Indonesian counterparts and the other, a Virtual Language Enhancement and Cultural Camp involving 9 Malaysian Polytechnics and 5 international institutions from Indonesia, the Philippines, Thailand, and Vietnam. The international virtual language camp which took place over 4 days, included language games in breakout rooms, cultural exposure and a project-based activity, where participants from different countries came together to produce a broadcast. The language camp which was based on the Language Enhancement Camp (LEC) model, was the first of its kind and positive feedback was obtained. The concept of the camp is definitely adoptable and adaptable for other institutions to follow suit, even though we have come to the endemic phase.

THE IMPACTS

The internationalization programmes or activities inevitably do have impacts on both -- the ‘mobility students’ and the ‘host students’. In this context, the ‘mobility students’ are meant for the students who cross the international borders of their own country of citizenship in order to gain knowledge and experience in the Host or Receiving institution while the ‘host students’ are those students who be in their own country of citizenship when the ‘mobility students’ be among them. (Mittelmeier et. al:2021)

Internationalization programmes or activities inevitably enhance the cultural knowledge and adaptability of those participants when they engage in the programmes or activities planned. Leading their life in the Host or Receiving institutions adds more excitement as they learn in

class and at the same time being a part of the student community on campus as well as off-campus.

The occurrence is such as when the students are exposed to different cultures, they will eventually realize the reality of life that we are heterogeneous in many aspects such as culture, capability, status, knowledge, skills, and experience. Everybody has his or her own reason for doing something. Having this mindset helps the students to be more flexible and tolerant. In short, different cultural perspectives result in more added value for Host or Receiving institution students in the long run as they are more prepared to set themselves in a multicultural community with increased tolerance and understanding of others. Being exposed to people of different cultures enable Host or Receiving institution students to be more compromised with people of various backgrounds. In the long run, Host or Receiving institution students will be more relevant to the global community as our world is becoming more connected regardless of background and culture. In short, being able to study in various environments other than in their motherland capacitates relevantly Host or Receiving institution students in tailoring themselves to be global citizens.

Every country has its own learning structures be it at the preschool, primary, secondary, or tertiary levels. Thus, the students who are involved in internationalization programmes or activities get exposure to different ways of learning and teaching structures and systems of their Host country's tertiary level.

For example, the students involved in the SEAMEO Exchange program, learned how the students of the Host or Receiving country did within the institution system. They went through the same learning and teaching process together with the students of the Host or Receiving country. The students might face challenges at the beginning but they managed to adapt themselves and make the diversity among their Host institution students one of the learning sources too. As a result, they would bring back the fresh experience, skills, and knowledge of the Host or Receiving country to their motherland. They will share it with their fellow students and lecturers regarding the exposure that they gained. On the whole, this shows how by learning within the new structures and system of the Host or Receiving institutions, knowledge, and skills transfer are also realized via internationalization programs or activities.

Communicating with others of different language backgrounds requires one medium of connecting the different parties. The same scenario happens in ensuring the success of the internationalization program or activities. With regard to PMM and PMK, the internationalization programmes or activities improve communication skills among PMM and PMK students.

For instance, engaging themselves in FEF demands the students to meet, discuss, chat, and make decisions and definitely English Language is used as the medium of connecting the various parties involved in FEF. Thus, FEF enhances the English Language proficiency among the students when they interact with one another in the English Language.

In addition, involving in the internationalization programmes or activities indirectly trains PMM and PMK students to be tactful as to use the best way to communicate with their counterparts. It means that they communicate and their messages get across because they are able to give and take, they are able to understand, and they are able to accept the differences in the ways how the different parties communicate. In general, it can be said that grasping the English Language well and being able to communicate well have proven that the internationalization programmes or activities shed light to improve communication skills among PMM and PMK students.

All in all, the ability to be flexible, tolerant, and adaptable to different backgrounds, cultures, and lifestyles while communicating with one another between the Host students or the Receiving students with the Sending students caters to the overall development of PMM and PMK students.

THE CHALLENGES

Ironically, one of the main challenges faced by lecturers in conducting international programmes is the lack of acknowledgment and support from management. Official approval is difficult to obtain which results in lecturers using personal leave at their own expense. Hence, the reluctance of certain lecturers in reporting activities to contribute to Key Performance Indicators (KPIs). However, lecturers have slowly come to accept this and some are willing to consider these challenges as a personal contribution to their institutions. It is hoped that the management can

look into reducing the bureaucracy of the procedures to apply for approval of international programmes since it is a voluntary program fully borne by lecturers.

CONCLUSION

In conclusion, internationalization programmes may have started out as being blurry and challenging, however many have come to grips with the implementation of these international programmes. The new Key Performance Indicator (KPI) created in 2020 for internationalization has definitely catapulted the number of activities in the polytechnics. Despite constraints of budget and perceptions, the International Relations Units set up in the polytechnics have strived to stay above the water.

Despite coming to the Endemic phase, many programmes are still being carried out online. The new norm has definitely been an eye-opener for many especially educators. It has indeed opened up doors and provided opportunities for many different possibilities. The ball is now on the other court – to do or not to do. That is the question.

REFERENCES :

www.moe.gov.my

<https://www.um.edu.my/docs/um-magazine/4-executive-summary-pppm-2015-2025.pdf>

Ministry of Education 2015, Executive Summary Malaysia Education Blueprint 2015 - 2025(Higher Education)

Wit, Hans de & Altbach, Philip G. (2020) Internationalization in Higher Education: Global Trends and Recommendations for its Future.

<https://doi.org/10.1080/23322969.2020.1820898>

Jibeen, Tahira & Asad Khan, Masha. (2015). Internationalization of Higher Education: Potential Benefits and Costs. International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)

Journal homepage: <http://iaesjournal.com/online/index.php/IJERE>

Mittelmeier, Jenna et. Al. 2021. Conceptualizing Internationalization at a Distance: A “Third Category” of University Internationalization. *Journal of Studies in International Education*. Volume 25, Issue 3, July 2021, Pages 266-282 © 2020 European Association for International Education, Article Reuse Guidelines

<https://journals.sagepub.com/doi/epub/10.1177/1028315320906176>

HAK WANITA DALAM ISLAM: SATU SOROTAN TERHADAP WANITA ISLAM BERKERJAYA

Munirah Mustaffa ^a, Siti Noor Hussain ^b, Shahrizah Husin ^c,
Jabatan Pengajian Am Politeknik Merlimau

Abstrak

Pengetahuan serta kefahaman yang tinggi tentang hakikat dunia pekerjaan ke atas golongan wanita amat penting bagi memastikan tanggungjawab hakiki mereka terhadap rumahtangga tidak diabaikan. Dewasa ini, kebanyakan golongan wanita bukan sahaja menggalas tanggungjawab sebagai suri rumahtangga, malah terpaksa keluar bekerja demi membantu para suami mencari nafkah perbelanjaan keluarga untuk meneruskan kehidupan. Artikel ini akan membincangkan konsep dan garis panduan wanita dalam berkerjaya menurut perspektif Islam, serta perbincangan isuisu yang berkaitan dengan hak dan permasalahan wanita Islam yang keluar bekerja. Metodologi adalah berbentuk kajian perpustakaan dengan mengkaji serta membuat pembacaan secara meluas melalui tulisan kajian-kajian lampau. Hasil kajian menunjukkan terdapat banyak isu yang perlu diperhalusi dan difahami bagi setiap wanita yang berkerjaya dalam memastikan hak wanita Islam itu sendiri dipelihara demi menjaga keteguhan sesebuah Institusi Kekeluargaan Islam seterusnya melahirkan Muslimah yang cemerlang dan bertaqwa. Penulisan ini juga adalah sebahagian dari usaha dakwah penulis untuk disampaikan, dibaca dan difahami oleh masyarakat terutama golongan sasaran iaitu wanita yang mempunyai kerjaya.

Kata kunci: Hak Wanita berkerjaya: Perspektif Islam

Pendahuluan

Wanita mempunyai kedudukan yang tinggi dan dimuliakan oleh agama Islam. Banyak kelebihan wanita disebut di dalam hadith Rasullullah SAW. Di antaranya adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin ‘Amr RA bahawa Rasullullah SAW bersabda:

“Dunia adalah perhiasan, dan sebaik-baik perhiasan dunia adalah wanita solehah.”
[Riwayat Muslim (715)]. Imam al-Qurthubi menafsirkan makna wanita yang solehah ***“Iaitu (wanita) yang menggembirakan (suami) apabila dilihat, apabila diberi arahan dia taat, dan apabila ketiadaan suaminya dia memelihara***

(kehormatan suaminya) pada dirinya dan juga hartanya.” Penulis berpandangan wanita yang baik dan berakhlak adalah wanita yang menjalani kehidupan seharian dengan mengikut garis panduan Islam.

Dewasa ini, ramai wanita yang menceburkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Peningkatan penyertaan tenaga kerja Wanita telah meningkat daripada 55.1 peratus pada Januari 2018 hingga 56 peratus pada November 2019. Sasaran kuota 30 peratus untuk meletakkan golongan wanita dalam kumpulan pengurusan tertinggi juga telah tercapai manakala 35.6 peratus golongan itu kini berada dalam peringkat pembuat dasar di dalam sektor awam. Berdasarkan statistik semasa, pegawai wanita adalah kumpulan majoriti iaitu 57.5 peratus dalam perkhidmatan awam yang terdiri daripada kumpulan pengurusan tertinggi sehinggalah kepada kumpulan pelaksana, **(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019)**. Ini menunjukkan golongan wanita sangat komited dalam usaha mengembeling tenaga ke arah memajukan negara.

Golongan wanita hari ini melakukan pelbagai pekerjaan dan tidak lagi terhad kepada kerja-kerja rutin harian sebagai suri rumah. Terdapat wanita yang bergelar isteri yang keluar bekerja bagi membantu suami dalam mencari nafkah bersama bagi menampung perbelanjaan harian yang semakin tinggi. Bagi wanita yang belum berkahwin, pilihan untuk bekerja dipengaruhi dengan pelbagai faktor seperti keperluan sosial, taraf Pendidikan dan kepuasan diri. Hidup dalam suasana yang begitu kompetatif, keupayaan menjawat pekerjaan yang membuahkan hasil lumayan menjadi jaminan untuk masa depan yang mewah dan selesa. Pekerjaan adalah suatu aktiviti yang baik, apabila dilakukan dengan baik dan memenuhi syarat yang tertentu, mendatangkan faedah dalam kehidupan, ianya dikira sebagai ibadah. Jika diniatkan kerana Allah s.w.t, maka seseorang itu akan mendapat ganjaran yang selayaknya tetapi jika diniatkan kerana keduniaan, maka seseorang itu juga akan mendapat keduniaanya. **(Fazlur Rahman, 1988)**

Secara zahirnya, golongan wanita yang keluar bekerja bukan suatu perkara yang pelik, malah ia telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW di mana wanita Islam keluar bersama-sama dalam berjihad ke jalan Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW, *“Barangsiapa yang bertungkus lumus mencari sara hidup dirinya dan keluarganya maka ia seperti Mujahid fisabilillah”* **(Sahih Muslim, 1987: 39)**. Antara pekerjaan yang dilakukan oleh Serikandi Islam pada zaman Rasulullah SAW ialah berdakwah, meluaskan ilmu, berjihad di medan perang, berniaga, bertani dan terlibat dalam perusahaan. Penulis mengambil contoh isteri Rasulullah SAW iaitu Sayyidah Khadijah RA, di mana beliau terkenal dengan perniagaannya. Begitu juga Asma’ binti Abu Bakar menjaga kuda dengan memberi makan dan minum serta mengemas rumah tangga keseluruhannya. Keadaan ini tidak menampakkan perbezaan pada golongan wanita yang berkerjaya pada hari ini seperti bidang perguruan di mana proses menyampaikan dakwah atau ilmu masih berlaku secara berterusan.

Wanita yang hebat dan berjaya adalah wanita yang dapat mengimbangi antara tuntutan keluarga dan kerjaya. Mereka menjalani tugas di luar rumah dengan penuh ketertiban selari dengan garis panduan Islam. Malah mereka mengetahui batas-batas pergaulan sosial dan memahami hak-hak wanita dalam berkerjaya. Dorongan dan sokongan yang diberikan oleh pihak keluarga banyak mempengaruhi corak gaya hidup wanita berkerjaya. Wanita yang bekerja di luar rumah seringkali menanggung beban berganda, di samping harus menguruskan hal rumahtangga dan keluarga, mereka juga wajib bertanggungjawab dengan pekerjaannya, namun begitu, sejauh manakah golongan ini menghayati hak-hak wanita dalam berkerjaya?

Latar Belakang & Rasional

Firman Allah dalam Surah An-Nisa' ayat 114, Allah berfirman MafhumNya, ***“Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan tujuan mendapat keredhaan Allah maka sudah tentu kami akan memberi kepadanya pahala yang besar”***. Penulis merujuk kepada firman Allah ini sebagai satu garis panduan yang menjadi keutamaan pada setiap individu muslim yang keluar bekerja. Mencari keredhaan Allah adalah sebaik-baik matlamat yang perlu ada dalam diri kita sebagai seorang Mukmin yang beriman dan bertaqwa. Kejelasan objektif dalam kita keluar bekerja, akan menghasilkan tingkah laku yang baik, keterbatasan dalam pergaulan serta menghormati hak masing-masing terutama bagi golongan wanita yang berjaya.

Golongan wanita merupakan tonggak utama dalam mentarbiah anak-anak serta menjadi keutamaan bagi mereka dalam memastikan pengurusan rumahtangga teratur. Kerosakan dalam institusi kekeluargaan yang berlaku hari ini adalah disebabkan kekeliruan dalam mengenalpasti keutamaan tugas yang perlu didahulukan oleh golongan wanita yang bekerja. Dalam keadaan seperti ini, apabila wujud permasalahan rumah tangga, masing-masing tidak menemui jalan keluar yang sihat kecuali perceraian (**Mohd Roshdi Yusof, 1993**). Antara hak wanita dengan tuntutan kerja, kedua-duanya perlu dilihat dan diimbangi secara rasional untuk memastikan kehidupan seharian lebih teratur. Penulis memetik daripada fikrah Yusuf Al-Qardawi yang mengatakan wanita dibolehkan bekerja dengan mengambil kira keharusan syarak serta bidang kerjaya tersebut mestilah tidak mengabaikan kewajipan yang lain.

Penulis melihat masalah percampuran bebas antara lelaki dan perempuan sering berlaku di ruangan tempat kerja. Wanita solehah seharusnya membatasi pergerakan dengan menundukkan pandangan apabila berinteraksi dengan lelaki yang bukan mahram malah perlu dihiasi diri dengan adab dan kesopanan diri sebagai seorang muslimah. Etika pergaulan yang dianjurkan Islam ini merangkumi empat perkara serius dalam pertemuan, menahan pandangan

dan memelihara aurat, menghindari khalwat dan menghindari pertemuan lama yang berulang-ulang. (**Abu Syauqqah, 1998**).

Pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram merupakan faktor yang menyumbang ke arah pertambahan jumlah peratusan kes curang dengan pasangan. Punca utama keruntuhan rumahtangga adalah disebabkan tiada persefahaman iaitu 56.2% dan diikuti kes isteri curang iaitu 11.8%. Selebihnya adalah merujuk kepada kes-kes lain. Bersumberkan pada kajian lain, tiada persefahaman membawa maksud pasangan tidak melihat kepada keperluan hak dan menyedari tanggungjawab masing-masing. (**LPPKN, 2014**)

Dunia hari ini, menyaksikan golongan wanita banyak memenuhi jawatan-jawatan tertinggi dalam sektor pekerjaan. Jumlah golongan wanita yang memegang jawatan tertinggi kerajaan adalah sebanyak 38.2 peratus (**Siti Zailah Mohd Yusoff, 2021**). Konflik yang berlaku dalam melaksana tanggungjawab dan gagal memahami hak wanita dalam berkerjaya menjadikan mereka tidak dapat mengimbangi antara urusan rumahtangga dengan tuntutan kerja di luar rumah sehingga membuka ruang kepada kehancuran rumahtangga. Kebanyakan wanita yang bekerja banyak menghabiskan masa di tempat kerja berbanding di rumah. Tekanan bebanan kerja menyebabkan kurang tumpuan yang diberikan kepada keluarga atau masalah di tempat kerja yang berlarutan sehingga di rumah hanya akan menyebabkan konflik dalam rumah tangga, (**Nurul Syafini, Hasliza, Noor syahida, 2020**).

Kepenatan seharian dalam melaksanakan tuntutan kerja di luar menyebabkan banyak kerja-kerja hakiki sebagai seorang suri rumah diabaikan atau diserahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada orang lain untuk menguruskannya. Penulis melihat keadaan ini lebih rumit apabila bidang pekerjaan yang diceburi tidak bersesuaian dengan naluri seorang wanita. Masa bekerja yang terlalu panjang boleh mengganggu hubungan kekeluargaan dengan terhakis rasa kasih sayang apabila tiada lagi hubungan komunikasi yang baik antara ahli keluarga.

Islam telah menekankan etika pemakaian bagi wanita ketika berada di luar rumah supaya aurat wanita terpelihara dari dilihat oleh golongan bukan muhrim. Penegasan tentang bab tabaruj bagi wanita juga diambil kira supaya tidak berlaku perkara-perkara yang mengajak kepada ke arah kemaksiatan. Hasil penelitian yang dibuat oleh penulis, tahap kesedaran golongan wanita dalam menjaga pergaulan dan keterampilan diri masih berada pada tahap rendah. Wanita seharusnya lebih peka serta menjaga tatacara mengikut Islam ketika menjalankan tugas dan keberadaan di tempat kerja.

Penulis memberi penegasan di sini bahawa secara rasional, penulisan ini perlu diketengahkan untuk memberi kesedaran kepada wanita bahawa mereka mempunyai hak dalam kerjaya. Pergerakan dan tingkah laku mereka perlu dibatasi dengan syariat supaya permasalahan dapat diatasi dengan baik. Kegagalan mengenalpasti serta memahami hak wanita dalam

bekerjaya memberi impak buruk yang amat besar dalam komuniti masyarakat di mana kualiti pembangunan rakyat dan negara terjejas disebabkan keruntuhan sebuah institusi kekeluargaan. Masalah ini perlu dilihat dan diperhalusi dengan lebih baik oleh setiap lapisan masyarakat terutama golongan wanita.

Cabaran dan hak-hak wanita bekerjaya

Islam memberi keharusan bagi golongan wanita untuk keluar bekerja. Namun di dalam keharusan itu, terdapat cabaran dan hak-hak wanita yang perlu diberi perhatian. Hak-hak ini perlu dilihat dan difahami dengan baik oleh setiap golongan wanita yang bekerjaya bagi memastikan tiada masalah yang timbul. Sokongan dan pemerhatian dari pelbagai pihak seperti ketua keluarga dan para majikan juga adalah perlu. Antara hak-hak wanita yang boleh dibincangkan di dalam penulisan artikel ini ialah:

1. Penampilan diri

a. Etika berpakaian

Etika adalah peraturan yang telah ditentukan oleh golongan individu atau kumpulan tertentu. Etika kerja dimaksudkan sebagai cara kerja, kebiasaan kerja, tata tertib kerja dan adat resam kerja, (**Razaleigh Muhamat Kawangit, 2014**). Islam mengutamakan penampilan diri yang kemas serta menutup aurat. Pakaian yang menutup aurat dengan tidak menampakkan tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan menjadi kewajipan dan hak utama bagi golongan wanita Islam yang keluar bekerja. Pakaian berfesyen moden merupakan cabaran utama wanita bekerjaya. Naluri wanita yang sememangnya sukakan kecantikan tetapi cetek dalam ilmu agama banyak mendorong wanita melakukan dosa dan maksiat

Firman Allah SWT *"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik) maka mereka tidak diganggu "*. **Surah al-Ahzab (33)**.

Ayat ini jelas menunjukkan tatacara pemakaian wanita sewaktu keluar bekerja. Para majikan perlu memahami dan memberi keutamaan kepada pekerja wanita terutama wanita beragama Islam dalam memilih cara berpakaian dengan menutup aurat ketika keberadaan di tempat kerja. Ketua keluarga yang berperanan sebagai suami atau wali terdekat bertanggungjawab dalam memastikan ahli keluarga perempuan mereka yang keluar bekerja telah memenuhi tuntutan syarak dalam pemeliharaan aurat demi menjaga kehormatan dan keselamatan diri wanita.

b. Perhiasan

Firman Allah di dalam al-quran, maksudnya: *“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya”* **Surah al-Nur (31)**.

Penulis menyentuh tentang bertabarruj atau berhias secara berlebihan. Bertabarruj seperti memakai wangi-wangian pada tubuh badan sehingga menarik perhatian golongan lelaki bukan muhrim, berpakaian yang berwarna terang sehingga memperlihatkan susuk tubuh dan berhias dengan mengubah ciptaan Allah seperti mencukur bulu kening adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam. Arahan atau desakan dari pihak majikan yang berkehendakkan pekerja wanita berpenampilan diri sehingga melanggar batas syarak harus ditolak.

2. Kesesuaian bidang kerja dan batas pergaulan

Wanita berkerjaya perlu mendapat keizinan terlebih dahulu dari suami atau wali terdekat untuk keluar bekerja. Bidang kerjaya yang diceburi perlu bersesuaian dengan perwatakan diri seorang wanita. Wanita berhak menentukan bidang tugas yang bersesuaian dengan dirinya dan kemahiran yang dimilikinya, serta yang tidak menimbulkan bencana, fitnah dan kemudharatan. Jenis pekerjaan dan tempoh masa bekerja yang bersesuaian perlu diambil kira bagi memastikan kehidupan yang berkualiti. Sekiranya bidang tugas yang diberikan menyalahi hukum agama, maka ia wajib ditinggalkan. Sebagai contoh, menjalankan perniagaan jual beli minuman keras di premis-premis tertentu.

Penyediaan tempat umum yang kondusif dan selesa juga diberi keutamaan hak pada golongan wanita yang bekerja bagi memastikan mereka mendapat kerehatan yang cukup demi menjaga kesihatan diri. Bebanan kerja di rumah dan diikuti dengan tugas harian ditempat kerja perlu diberi perhatian oleh pihak majikan. Penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti tempat solat, tempat istirehat dan tempat penyusuan anak serta kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak yang berhampiran dengan tempat kerja perlu disediakan dan diberi keutamaan bagi melahirkan tenaga kerja wanita yang berdaya saing dan bermotivasi tinggi untuk terus maju seterusnya menyumbang tenaga ke arah menjana ekonomi negara

Seorang wanita berhak memastikan jenis pekerjaan dan tempat bekerja selesa tanpa melibatkan ikhtilat antara lelaki dan perempuan secara bebas. Seorang wanita perlu menjaga maruah diri dengan tingkah laku yang baik serta bersopan santun dalam bersosial supaya terhindar dari fitnah yang boleh menjadi punca kehancuran rumahtangga.

3. Pengurusan perbelanjaan dan nafkah

Peningkatan kos sara hidup yang tinggi menjadi cabaran utama bagi masyarakat hari ini. Situasi ini memaksa wanita untuk menceburkan diri dalam dunia pekerjaan dengan bertujuan membantu menambah sumber pendapatan bagi menampung kos perbelanjaan keluarga yang semakin meningkat tinggi.

Firman Allah yang bermaksud *“Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu (isteri) menurut cara yang sepatutnya”*. Surah Al-Baqarah (233). Terjemahan ayat ini menunjukkan tanggungjawab dalam memberi nafkah pakaian dan makanan masih dalam tanggungan kaum lelaki walaupun pihak wanita dalam keadaan bekerja.

Harta benda yang diperolehi oleh golongan wanita hasil daripada usaha keringatnya adalah menjadi hak untuk dibelanjakan mengikut kemahuan wanita itu sendiri, selagi mana ia tidak bertentangan dengan syarak. Seorang suami tidak boleh mengambil harta si isteri yang bekerja dengan keadaan memaksa atau tanpa kebenaran, melainkan atas kerelaan isteri itu sendiri. Penulis ingin menegaskan di sini, perbelanjaan bagi diri wanita itu sendiri di bawah tanggungan si suami. Mereka berhak mendapat perlindungan dan nafkah daripada suami atas khidmat yang mereka berikan.

Cadangan & perbincangan

Hasil perbincangan di atas, penulis mengemukakan beberapa cadangan untuk diketengahkan bagi menghasilkan impak yang berkesan dan membentuk masyarakat yang berfikiran positif serta akhlak yang terpuji.

1. Mengenalpasti Objektif

Wanita seharusnya faham dan menyedari objektif sebenar untuk keluar bekerja. Objektif yang jelas mampu memberi impak yang positif dalam melaksanakan tugas harian di luar rumah dengan mengikut ketetapan hak sebagai wanita yang mempunyai kerjaya. Kehidupan golongan wanita ini lebih terfokus dan mampu menghasilkan tenaga kerja wanita yang cemerlang di sisi agama, keluarga dan negara. Keberkatan rezeki dengan jalan yang diredhai Allah akan menjanjikan hati yang tenang dan bahagia.

2. Mendalami Ilmu Agama

Kekuatan serta keyakinan diri dapat dibina dengan mendalami ilmu agama seterusnya membentuk akhlak yang unggul. Ilmu yang merujuk kepada sumber Al-quran dan Hadith dapat memberi panduan kepada golongan wanita ke arah yang lebih sempurna kerana ia dilengkapi dengan hukum hakam yang jelas untuk diikuti dan dilaksanakan oleh setiap individu muslim.

Ketaatan kepada agama dan menjaga kehormatan diri semasa bekerja merupakan kewajipan seorang wanita. Sifat ketaatan ini perlu lahir atas dasar cinta yang mendalam pada Allah dan Rasulullah dan bukan lahir atas dasar paksaan ataupun keperluan kebendaan. Ketaatan pada agama akan dapat menghindari keseronokan yang bersifat duniawi dan mengenyepikan dorongan hawa nafsu semasa bekerja. Ini dapat menjaga kemuliaan dan kehormatan wanita.

3. Sentiasa Memelihara Diri

Setiap dari wanita yang keluar bekerja wajib menjaga kehormatan diri iaitu dengan memelihara adab, akhlak, dan hukum yang berkaitan ketika berada di luar rumah agar kedudukan mereka tetap dipandang mulia. Wanita Islam hendaklah beriltizam dengan etika wanita jika keluar dari rumah dari aspek berpakaian, berjalan, pandangan,

pertuturan dan juga pergerakan yang perlu dipelihara seperti yang disarankan dalam al-Quran.

4. Niat kerana Allah

Niat adalah asas bagi setiap perbuatan. Niat yang baik semasa melakukan pekerjaan, untuk mencari keredhaan Allah, akan membataskan seseorang untuk melakukan sesuatu yang tidak diredhai, sebaliknya akan lebih mendorong seseorang untuk melakukan kebaikan, baik dalam pekerjaannya mahupun rumahtangganya. Amalan yang baik akan menjadi ibadah apabila disertakan dengan niat yang ikhlas untuk mencari keredhaan Allah. Oleh itu setiap wanita yang bekerja mestilah mempunyai niat yang baik dan ikhlas sebelum, semasa dan selepas melakukan pekerjaan serta berhati-hati dalam melakukan setiap pekerjaan.

Kesimpulan

Penulis berpendapat bahawa Islam mengharuskan golongan wanita keluar untuk bekerja. Namun kelonggaran yang ditetapkan oleh syariat untuk keluar bekerja wajib difahami oleh golongan wanita terutama tentang hak dan keperluan bagi wanita itu bekerja.

Penghayatan yang dalam tentang objektif sebenar bagi seorang wanita itu keluar bekerja serta memperjuangkan hak asasi akan menjadikan golongan wanita ini sentiasa dihormati dan dipandang mulia oleh setiap lapisan masyarakat dan dikira sebagai suatu amal ibadah. Golongan Wanita yang hebat adalah wanita yang mampu menggalas tugas dan tanggungjawab mereka tanpa mengabaikan keutamaan keluarga serta mampu memikul amanah yang diberikan oleh majikan mereka.

Kefahaman tentang kedudukan wanita berkerjaya menurut Islam perlu difahami dengan sebaik-baiknya agar wanita khususnya serta masyarakat umumnya tidak disalah anggap bahkan saling bantu-membantu demi kemaslahatan diri, keluarga, agama, bangsa dan juga negara. Sesungguhnya niat yang baik untuk menyumbang bakti dalam perkhidmatan masyarakat dalam pelbagai bidang akan dikira sebagai ibadah. Semoga penulisan ini mampu merubah minda golongan wanita yang bekerja ke arah pemikiran yang lebih terbuka bertepatan dengan saranan agama Islam.

RUJUKAN

- Al-Qardhawi Yusuf (2006), *Darjat Wanita Dalam Islam*. Terjemahan Muhammad Hussain. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Asyraf Hj Ab Rahman (2010), *Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif Fi Zilal AlQuran*, Journal of Governance and Development Vol.6 (14-21)
- Adawiyah Ismail, (2012), *Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Berkerjaya menurut Islam*, jurnal al-Hikmah 4 (3-14)
- Fatimah Muhammad Ali. 1996. *Aduhai wanita Islam, apakah perananmu dalam menempuh cabaran keduniaan*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd.
- Fatimah Ali, (2014), *Penglibatan wanita Dalam Bidang Pekerjaan*, Jurnal Bilangan IX
- Haron Din. (1985), *Manusia dan Islam*. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd
- Razaleigh Muhamat kawangit, (2014), *Etika Kerja dan Perkhidmatan Islam*, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Mushfique Ahmad Ayoup (2018), *Fitnah Dan Kemuliaan Wanita* Irshad AL-Fatwa Siri KE-264
- Norehan Ahmad Rahim, (2008). *Masalah wanita berkerjaya lambat berkahwin dan penyelesaiannya dari sudut Islam: Kajian kes di Kementerian Pelajaran Malaysia Putrajaya*, Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi
- Nurul Syafini abd Rahman, Hasliza Talib, Noor Syahida Abdul Rahman (2020), *Keruntuhan Rumah tangga: Punca Dan Solusinya*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor
- PMWP, (2019) *Hukum Wanita Berkerjaya*, (2019) Irshad AL-Fatwa Siri KE-304
- <https://malaysiadateline.com/penyertaan-tenaga-kerja-wanita-terus-meningkat-setakat-november-2019/>
- <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/11/13/lppkn-1-3-kes-cerai-berlaku-dalam-5-tahun-pertama-perkahwinan/>
- <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2022/03/04/etika-pergaulan-islam-elakgangguan-seksual-di-tempat-kerja/>

**KEPERLUAN MODUL BAHASA ARAB PELANCONGAN UNTUK PELAJAR
DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP) POLITEKNIK MERLIMAU**

Hidayat bin Shafie

Naimah Ghazali

Siti Noor binti Hussain

Politeknik Merlimau, Melaka

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat keperluan pelaksanaan modul bahasa Arab pelancongan khususnya untuk para pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan di Politeknik Merlimau, Melaka. Penawaran Kursus Bahasa Arab secara elektif menjadikan kursus ini bukanlah pilihan popular di kalangan pelajar pengurusan pelancongan di Politeknik. Kesannya adalah pelajar tidak menguasai salah satu kemahiran yang sangat penting dalam industri pelancongan di Malaysia. Pelaksanaan modul bahasa Arab pelancongan dalam kalangan pelajar Politeknik suatu pembelajaran yang akan memberi makna dan kesan dalam kerjaya dalam bidang pelancongan. Pelaksanaan modul ini juga dilaksanakan oleh kebanyakan institusi pengajian. Kajian ini akhirnya mencadangkan modul bahasa Arab pelancongan dilaksanakan sebagai kursus teras kepada pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik.

Kata Kunci: *Modul Pembelajaran Bahasa Arab; Pelancongan*

PENGENALAN

Statistik Pelancongan Malaysia menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim (Tourism Malaysia). Jumlah Pelancong Muslim dari Negara Timur Tengah paling tinggi selepas pelancong Muslim dari Indonesia dan Singapura iaitu sebanyak 138 869 orang. Pelancong-pelancong berasal dari Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Bahrain, Syria, Lubnan, Mesir, Yaman, Oman, Qatar, Iraq, Kuwait, Jordan, Maghribi, Algeria, Libya, Tunisia, Sudan, Habsyah, Djibouti, dan Mauritiana. Jika dilihat pada jumlah ketibaan pelancong, pendapatan purata penginapan dan per kapita tahun 2011, negara utama Timur Tengah, iaitu Arab Saudi mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong, iaitu 86 771 orang (2010) kepada 87 693 orang (2011). Purata tempoh penginapan mereka pula ialah antara 9.3 hari dengan 9.6 hari, manakala purata

perbelanjaan per kapita mereka meningkat, iaitu RM8047.1 (2010) kepada RM8154.8 (2011). Jumlah pendapatan daripada aktiviti pelancongan pula mencatatkan peningkatan, iaitu RM698.3 juta (2010) kepada RM717.1 juta (2011). (Dewan Budaya, 2013). Bagi meningkatkan sistem perkhidmatan pelancongan di Malaysia terutama bagi pelancong Timur Tengah, negara memerlukan kepada tenaga kerja yang berkompeteren bagi mengambil tempat dan peranan dalam industri yang berpotensi besar ini.

PERNYATAAN MASALAH

Pelancong Arab biasanya menggunakan medium bahasa Arab dalam berkomunikasi. Penggunaan bahasa Arab di dalam bidang pelancongan di Malaysia memerlukan persediaan tenaga kerja yang mahir dan kemudahan lain yang berkaitan. Persediaan ini amat penting dalam memastikan objektif memberikan perkhidmatan terbaik dan mesra kepada pelanggan tercapai, khususnya kepada pelancong Arab. Melihat kepada senario ini kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan disokong oleh agensi lain perlu melipatgandakan usaha menarik lebih ramai pelancong arab supaya terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mereka. Institusi pendidikan terutama yang melahirkan graduan dalam bidang pelancongan pula seharusnya mengorak langkah awal merangka kurikulum yang mantap sebagai persediaan menyediakan tenaga mahir atau separa mahir dalam industri pelancongan yang berkembang pesat ini.

KEPENTINGAN BAHASA ARAB DALAM INDUSTRI PELANCONGAN ISLAM DI MALAYSIA

Setiap kali percutian musim panas, pelancong Arab mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka. Jumlah pelancong Arab ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun khususnya setelah berlakunya peristiwa 11 September 2011 (Mohammad Najib, 2016). Peristiwa ini memberi impak besar terhadap trend pelancong Arab kerana mereka menghadapi kesukaran mendapatkan visa untuk ke Amerika Syarikat dan Negara-negara Eropah. Pada masa yang sama, mereka terpaksa keluar dari Negara mereka kerana cuaca panas di sana kadang-kala mencecah 50 Celcius. Tambahan pula, Malaysia dianggap bertuah kerana memiliki aset berharga dengan kekayaan alam tropika yang mewah dengan kepelbagaian flora dan fauna

dan masyarakat berbilang kaum. Tidak kurang juga pusat membeli belah yang tumbuh bagai cendawan di negara ini menggamit para pelancong dari Timur Tengah. (Bernama, 16 September 2007) Statistik Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim.

Kerajaan melalui Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) telah menubuhkan Islamic Tourism Malaysia atau Pusat Pelancongan Islam (ITC) pada 16 Mac 2009 bagi menyusun pelbagai program pembangunan pelancongan tempatan dan penyusunan strategi pemasaran produk budaya tempatan kepada pelancong Muslim. ITC didaftarkan sebagai Syarikat Berhad menurut Jaminan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965. (Abdul Ghani Abu, Dewan Budaya Mac 2013) Kerajaan Malaysia telah mengadakan pelbagai usaha untuk menggalakkan pelancong Arab datang ke Malaysia. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan yang lain, video dokumentari mengenai Malaysia ditayangkan semasa penerbangan dalam bahasa Arab, terutama 30 minit sebelum mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Video ini menerangkan maklumat penting berkaitan negara kita. Ambassador Arab yang bertugas sebagai penyambut tetamu kepada pelancong berbangsa Arab akan bersedia di balai ketibaan untuk menyambut para pelancong daripada Timur Tengah. Mereka yang bertugas sebagai Ambassador Arab merupakan pelajar yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab. Program Ambassador Arab ini sememangnya hanya khusus kepada pelancong Arab sahaja dan ini merupakan keistimewaan dan keutamaan yang disediakan kepada mereka berbanding pelancong lain. (Sulaiman Ismail, 2008 : 20). Bagi pelancong Arab masih ramai di kalangan mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris, oleh yang demikian mereka memerlukan orang yang boleh berkomunikasi dan memberikan panduan dalam bahasa Arab di samping papan tanda dalam tulisan Arab untuk menunjuk arah lokasi yang terdapat di dalam KLIA (Sulaiman, 2008 : 17-18) Papan tanda berbahasa Arab ini memudahkan urusan mereka khususnya penumpang Muslim untuk urusan mengerjakan solat dan mendapatkan makanan yang halal. Sebagai makluman, KLIA menyediakan ruang solat yang boleh didapati di semua peringkat bangunan terminal utama dan bangunan satelit dan 25 gerai makanan yang halal di kawasan umum dan kawasan transit. (www.halaltrip.com).

Menurut Hutchinson & Waters (1987) Bahasa untuk Tujuan Khusus atau Language for Specific Purposes (LSP) adalah satu pendekatan yang digunakan secara meluas dalam pengajaran bahasa kedua atau asing bagi memenuhi keperluan pelajar di dalam pendidikan, latihan dan pekerjaan mereka. Dalam pada itu, Analisis Keperluan atau Need Analysis merupakan "pemandu" yang mendasari pembangunan program Bahasa untuk Tujuan Khusus. Sebagai contoh jururawat berbangsa Inggeris yang bekerja di hospital-hospital yang mempunyai peratusan tinggi pesakitnya yang bahasa rasminya Sepanyol, mungkin perlu belajar bahasa Sepanyol untuk tujuan komunikasi antara jururawat dan pesakit. Menurut Hyland (2009) pelajar digalakkan untuk mengambil peranan aktif dalam pembelajaran mereka sendiri dan mempersoalkan apa yang mereka telah diajar. Sukatan pembelajaran ditentukan mengikut keperluan pelajar melalui perundingan, pertimbangan dan nasihat guru pakar. Bahasa Arab juga turut berkembang pesat di dalam disiplin SLP ini. Banyak kajian-kajian telah dijalankan bagi membuktikan bahawa bahasa ini juga digunakan secara meluas bagi memenuhi keperluan tertentu. Antaranya adalah Bahasa Arab untuk Tujuan Ibadah seperti yang dikaji oleh Nasir (2015), Suhaila Zailani et al. (2012), Mohd Puzhi (2010), Anzaruddin Bin Ahmad (2004). Selain daripada itu, terdapat kajian mengenai Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan seperti yang dikaji oleh Nurul Husna binti Roslan (2015), Muhammad Nizwan Musligh (2015), Mohammad Najib Jaffar (2013), Sulaiman Ibrahim (2011), (2011) (2013), Sulaiman bin Ismail (2008), Muhammad Ibrahim Jalu (2008) dan Azman Che Mat (2008). Manakala Bahasa Arab untuk Tujuan Diplomasi dikaji oleh Islam Yusri (2008), Bahasa Arab untuk Tujuan Perubatan dikaji Oleh Ghazali Zainuddin (2005) dan Bahasa Arab untuk Tujuan Ekonomi dikaji oleh Najmiah Hashim (2009). Hasil Dan Perbincangan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam Menurut Hamira Zamani-Farahani (2010) agama memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sesuatu negara. Kajian yang dijalankan oleh Mohamed Battour (2014) menunjukkan bahawa agama sesuatu negara mempunyai kaitan dengan kepuasan pelancong dari luar negara. Sehubungan dengan itu, Pelancongan Islam ditakrifkan sebagai mana-mana kegiatan, peristiwa, pengalaman atau penglibatan, yang dilalui didalam keadaan penjelajahan yang akur pada nilai serta hukum Islam, dengan tujuan untuk menikmati dalam sebuah kerangka Islam, sama ada salah satu atau kesemua dari yang berikut: sejarah, seni, budaya, warisan, cara hidup, ekonomi, kesihatan, pendidikan atau mana-mana dimensi hidup manusia.

Secara tradisi, pelancongan Islam dikaitkan dengan aktiviti keagamaan seperti haji dan umrah. Dimensi pelancongan Islam menjadi semakin meluas apabila semakin ramai manusia mula menjelajah keluar ke destinasi-destinasi Islam yang lain. Kewujudan dimensi baru ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan, misalnya industri makanan, penerbangan atau industri pengangkutan dan sebagainya, untuk memenuhi keperluan segmen yang unik ini. Ini termasuklah usaha yang telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini yang memperkenalkan kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan di dalam pengajian peringkat ijazah sarjana muda. (Mohammad Najib, 2013 : 1) Kursus ini ditawarkan bagi memenuhi keperluan pasaran dalam sektor pelancongan. Menurut Abdul Rahman Chik (2007) Bahasa Arab Pelancongan merupakan salah satu bidang Bahasa untuk Tujuan Khusus yang memerlukan laras bahasa dan istilah-istilah khusus serta mempunyai modul pengajaran yang tersendiri. Manakala Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan Islam pengkaji menyimpulkan bahawa kursus ini bermatlamat untuk melahirkan pemain industri yang mahir menggunakan bahasa Arab yang mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan di dalam pengurusan pelancongan.

PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP) DI POLITEKNIK

Pelajar yang mengikuti Program Diploma Pengurusan Pelancongan selama tiga tahun akan menjalani semua aspek dalam industri pelancongan seperti kemahiran tinggi dalam pengetahuan teknik-teknik pemandu pelancong, penempahan tiket penerbangan berkomputer, rekreasi terrestrial dan marin, pengurusan MICE dan acara, serta penyediaan bahan interpretasi pelawat. Kurikulum juga menekankan terhadap kompetensi yang berkaitan dengan komunikasi efektif, hubungan sesama manusia dan kepelbagaian budaya. Objektif program ini adalah untuk memenuhi permintaan pekerjaan dalam industri pelancongan yang kompetitif di Malaysia. Secara umum, pelajar yang mengikuti program ini akan didedahkan dengan Teknik Pemandu Pelancong, Geografi Pelancongan, Penempahan dan Tiket, Operasi Kaunter Perkhidmatan, Pemasaran Pelancongan, Rekreasi Daratan dan Marin, Pengurusan Acara dan Projek/Perancangan Pelancongan. Graduan dalam bidang ini berpeluang menceburi bidang kerjaya sebagai Tourism Officer, Park Coordinator, Nature Interpreter, Tourism Journalist, Park Administration, Community Recreation, Theme Park Supervisor, Travel And Tour Supervisor,

Recreation Facility Supervisor, Tourism Sales And Marketing Personnel, Travel Package Development Consultant, Event Management Supervisor/Coordinator, Entrepreneur In Tourism And Hospitality Businesses, Tourism Programme Supervisor / Instructor / Facilitator dan lain-lain.

KURSUS BAHASA ARAB DI POLITEKNIK

Penawaran kursus bahasa Arab di politeknik, khususnya bagi pelajar pengurusan pelancongan memberi peluang kepada pelajar menguasai kemahiran bahasa selain bahasa ibunda di samping kemahiran-kemahiran teknikal wajib yang lain. Menguasai bahasa selain bahasa ibunda membolehkan seseorang itu menimba ilmu pengetahuan menggunakan bahasa tersebut dan juga untuk menguasai bidang-bidang yang memerlukan kemahiran tersebut.

Kursus Bahasa Arab mula ditawarkan di politeknik seluruh Malaysia pada tahun 2006 dalam usaha mempelbagaikan penawaran kursus elektif bahasa asing selain daripada kursus Bahasa Jepun dan Bahasa Mandarin. Ia juga merupakan satu langkah untuk memperkembangkan kemahiran berbahasa pelajar di dalam Bahasa Arab. Kursus Bahasa Arab ini terdiri daripada Bahasa Arab I (A1008), Bahasa Arab II (A2008) dan Bahasa Arab III (A3008). Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis adalah satu-satunya politeknik yang telah menawarkan sehingga tahap Bahasa Arab III (A3008) bagi pelajar pengurusan pelancongan. Setiap kursus menyumbang 3 jam kredit dan diajar dalam tempoh 15 minggu pada setiap semester untuk tiga semester. Lulus setiap kursus Bahasa Arab menjadi pra syarat untuk mengambil bahasa Arab seterusnya. Contoh; lulus Bahasa Arab I (A1008) dijadikan syarat kepada pelajar untuk mengambil Bahasa Arab II (A2008), dan lulus Bahasa Arab II (A2008) menjadi syarat mengambil Bahasa Arab III (A3008). Secara umum, kursus Bahasa Arab di Politeknik Malaysia antara kursus yang ditawarkan kepada pelajar semester tiga di Jabatan Perlancongan Dan Hospitaliti (JPH) dan khusus untuk pelajar di Jabatan Perdagangan yang di kenali sebagai Arabic For Muamalat bagi pelajar jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam. Manakala bagi pelajar di Jabatan Pelancongan, kursus ini merupakan subjek pilihan bagi pelajar semester tiga. Di samping itu juga Politeknik turut menawarkan kepada pelajar Kelab Bahasa Arab bagi subjek Kokurikulum yang mesti diambil oleh pelajar khususnya kepada pelajar semester tiga. Pelajar yang memilih kursus ini sebagai subjek Kokurikulum diwajibkan untuk melalui tempoh

pembelajaran selama 4 jam kredit dalam seminggu bagi memenuhi keperluan dan tuntutan subjek ini.

Secara umumnya, objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di peringkat permulaan ialah membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran Bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek bertutur atau komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran bahasa. Bailey (2005) menegaskan bahawa kemahiran bertutur adalah satu kemahiran yang sukar di pelajari berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain.

KEMAHIRAN BAHASA ARAB DAN PELUANG KERJAYA DI MALAYSIA

Pelbagai faktor pelancong memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam. Antaranya ialah mudah mendapatkan makanan yang halal dan menunaikan ibadah solat dan perkhidmatan hotel yang patuh syariah. Kedua-dua faktor ini menjelaskan kepada kita aspek ibadah dan agama menjadi pertimbangan terpenting bagi pelancong yang beragama Islam. Antara faktor lain yang menyumbang kepada pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam ialah pemain industri beragama Islam menyediakan pakej pelancongan Islam yang menarik, infrastruktur yang moden dan kemudahan yang efisien, peniaga mengamalkan sistem transaksi berlandaskan syariah. Perkara ini penting bagi melancarkan dan merencanakan kegiatan pelancongan di samping memantapkan ekonomi penduduk tempatan hasil daripada sumbangan sektor pelancongan yang berjaya. Selain itu, pusat pendidikan bertaraf antarabangsa menyediakan peluang pengajian bagi semua peringkat, terdapat penganjuran mesyuarat dan seminar antarabangsa yang memberi ruang kepada warga Arab untuk menyertainya juga menumbang kepada pemilihan Malaysia. Ini kerana sistem pendidikan negara yang sistematik dan moden menarik minat mereka untuk datang ke sini. Selain itu, mudah untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital jika memerlukan perkhidmatan kesihatan serta pekerja perubatan yang mengamalkan etika Islam juga menyumbang kepada kebaikan tersebut. Di samping itu dapatan kajian juga mendapati antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam ialah Malaysia menawarkan destinasi percutian yang menarik

terutama tempat rekreasi, hiburan dan membeli belah di samping negara ini menjadi hub atau pusat perayaan, festival dan pertunjukan nasional dan antarabangsa.

Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Islam perlu memfokuskan kepada kemahiran komunikasi. Untuk memastikan keberkesanannya, komunikasi Bahasa Arab Pelancongan Islam perlu dipraktikkan secara interaktif di dalam kelas. Selain itu, pembelajaran Bahasa Arab Pelancongan Islam perlu menggunakan bahasa Arab Standard dan dicampur sedikit dengan bahasa Arab Pasar untuk meraikan para pelancong Arab yang tidak mempunyai latar pendidikan yang tinggi. Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) perlu dipelbagaikan oleh pensyarah untuk menarik minat pelajar yang akan mendalami bidang ini. Internet yang digunakan untuk mendapatkan bahan terkini dari segi istilah dan laras bahasa pelancongan Islam perlulah dimantapkan untuk melancarkan proses promosi dan publisiti. Latihan dan praktikal dalam bidang Pelancongan Islam ini perlu menyeluruh serta dipelbagaikan. Walau bagaimanapun, kajian mendapati keseluruhan kandungan dalam modul Bahasa Arab Pelancongan Islam perlu mencakupi aspek bahasa, pengetahuan dan sosio-budaya yang sesuai.

KESIMPULAN

Bidang pelancongan adalah bidang yang terpenting dalam memacu ekonomi negara. Saban tahun para pelancong semakin ramai mengunjungi negara ini. Kebanyakan para pelancong datang dari pelbagai pelosok dunia terutama dari timur tengah iaitu negara-negara Arab dan negara-negara Islam yang lain. Mereka tertarik dengan pelancongan Islam yang ditawarkan oleh Malaysia.

Pelancongan Islam ini boleh dipelopori oleh Malaysia. Pelbagai langkah yang diambil bagi memperkembang sektor ini. Faktor penyumbang utama adalah kerana Malaysia sebuah negara Islam yang moden dan sistematik di samping masih mengekalkan ciri-ciri Islamik seperti kemudahan ibadah dan makanan halal. Ini amat menarik perhatian para pelancong yang beragama Islam terutama dari timur tengah. Namun begitu banyak lagi penambahbaikan dari pelbagai aspek untuk membangunkan pelancongan Islam ini. Antara yang menjadi fokus utama ialah kemahiran komunikasi dalam kalangan penggerak sektor pelancongan dan penyedia perkhidmatan. Kemahiran bahasa Arab amat penting bagi membolehkan mereka menjalankan fungsi dan tanggungjawab dengan lebih efisien dan berkesan. Ini kerana kebanyakan pelancong Arab kurang fasih dalam bahasa Inggeris. Selain itu penyediaan infrastruktur dan kemudahan

asas juga boleh ditingkatkan terutama papan tanda dan informasi secara bertulis dan lisan dalam bahasa Arab. Dengan adanya modul bahasa Arab Pelancongan Islam yang akan direkabentuk diharapkan ia akan dapat membantu pelbagai pihak, terutama yang terlibat dalam sektor ini untuk memantapkan kemahiran berkomunikasi. Ini juga penting untuk memajukan sektor pelancongan Islam dan menjadikan Malaysia sebagai pelopor dalam industri pelancongan Islam di rantau ini. Program diploma tiga tahun ini direka untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran dalam pelancongan. Pelajar dilatih secara khususnya bagi mencapai standard kompetensi teknikal yang tinggi dalam bidang pengurusan dan operasi pengembaraan dan pelancongan, pengurusan dan operasi penerbangan, jualan dan pemasaran produk-produk pelancongan, serta dalam pengurusan runcit pelancongan. Program Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik perlu menjadikan Kursus Bahasa Arab Pelancongan sebagai kurikulum wajib dan bukannya sebagai elektif dan akhirnya menjadi pilihan tidak popular di kalangan pelajar dan ia merupakan sesuatu yang merugikan institusi TVET dan seterusnya memberi impak kepada industri pelancongan di Malaysia.

RUJUKAN

Mohammad Najib Jaffar, Noor Azizi Ismail, Kirembwe Rashid Abdul Hamed dan Hishomuddin Ahmad. (2016) Model Pembangunan Kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Abdul Ghani Abu. Malaysia Destinasi Utama Pelancongan Islam. Dewan Budaya. (2013, Mac). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Hj Sulaiman bin Ismail. (2008). Persepsi Pelancong Arab Dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Dalam Penyampaian Maklumat Dan Informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach. Cambridge: Cambridge University Press.

Hyland, K. (2009) English for Professional Academic Purposes: Writing For Scholarly Publication. In D. Belcher (ed.) English for Specific Purposes in Theory and Practice. Ann Arbor: University of Michigan Press.

Nasir, Mohd Shahrizal, Yahaya, Mohd Firdaus, Sahrir, Muhammad Sabri (2015) Tinjauan persepsi pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan ibadah sebagai satu keperluan bagi masyarakat awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30 (1). pp. 1-12. ISSN 2289-9057 (O), 2180-3463 (P) (In Press)

Suhaila Zailani. (2012) Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi AlQuran. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Puzhi Usop dan Mohamad Seman. (2010). Bahasa Arab Untuk Ibadah. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Anzaruddin Bin Ahmad. (2004). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional. Disertasi Master. KL: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Nurul Husna binti Roslan. (2015). At-Tahaddiyat al-Lati Yuwaajihuha Tolabah al-Kuliyah al-Jami'iyah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah Bi Selanjur (KUIS) Fi Ta'alum al-Lughah al-'Arabiah Li Aghrad Siyahiyah: Dirasah Midaniah. Tesis Sarjana. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Muhammad Nizwan Musligh. (2015). Tahlil Al-Hajat Al-Lughawiyah Al-Syai'eah fi Mawaqif Al-Tawasul Al-Syafahi bi Al-Lughah Al-Arabiyyah li Saiqi Al-Taksi Al-Maliziyyin bi Matar Kuala Lumpur Al-Duwali (KLIA). Tesis Sarjana. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hamed dan Hishomuddin Ahmad. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia. 'Ulum Islamiyyah Vol. 10 (June) 2013. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Sulaiman Ibrahim dan Wan Nuruddin. (2011). Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Wazifiyyah: Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Al-Mursyidin Al-Siyahiyyin. *Majalah Al-Islam fi Asia* (2): Jun

Hj Sulaiman bin Ismail. (2008). Persepsi Pelancong Arab Dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Dalam Penyampaian Maklumat Dan Informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Muhammad Ibrahim Jalu. (2008). I'dad Wihdah Dirasiyyah li Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Al-Amilin fi Haqli Al-Siyahah fi Maliziyya. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Azman Che Mat, Hj Azman Zakaria dan Kamaruzzaman Jusoff. (2009). The Importance of Arabic Language in Malaysia Tourism Industry: Trends During 1999-1994. Canadian Social Science. Vol. 5(4).

Najmiah Hashim. (2009). Ta'lim Al-Arabiyyah li Aghradh Khassah: Durus li Al-Mutkhassisin fi Majal Al-Iqtisod. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Hamira Zamani-Farahani. Joan C. Henderson. (2010). Islamic Tourism and Managing Tourism Development in Islamic Societies: The Cases of Iran and Saudi Arabia. International Journal of Tourism Research Volume 12, Issue 1, pages 79–89, January/February

Mohamed Battour, Mohd Nazari Ismail, Moustafa Battor, Muhammad Awais. (2014). Islamic Tourism: An Empirical Examination of Travel Motivation and Satisfaction in Malaysia, Current Issues in Tourism, Page 1-18 Received 23 Sep 2013, Accepted 10 Sep 2014, Published online: 20 Oct 2014

Mohammad Najib Jaafar. (2013). Tahlil Al-Hajat Mutkhassisi Al-Lughah Al-Arabiyyah wa AlIttisolat bi Jamiah Al-Ulum Al-Islamiyyah Al-Maliziyyah fi Ta'lim Al-Lughah AlArabiyyah li Aghradh Al-Siyahah. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Zalika Adam, Abdul Rahman Chik. (2008). Barnamij Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh AL-Siyahah fi Maliziyya: Dirasah Tahliliyyah li Al-Hajat. Barnamij Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Al-Siyahah. Mesir: Jamiah Almaniyya AlMisriyyah.

TAHAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN INOVASI eCadangLupus (eCLupus) DI KOLEJ KOMUNITI TAMPIN

Nur Farhana Binti Misno
Politeknik Merlimau
Nurul Johanna Binti Jemain
Kolej Komuniti Tampin, NS

ABSTRAK

Pengurusan aset kerajaan adalah suatu aspek penting yang perlu sentiasa diberikan perhatian oleh setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Aset didefinisikan sebagai sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti (Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Malaysia, n.d.). Walau bagaimanapun, aset juga mempunyai tarikh luput berdasarkan penilaian dari segi keselamatan, fizikal aset dan juga keperluan semasa. Kajian ini tertumpu kepada Ahli Mesyuarat Pengurusan (AMP) dan staf yang terlibat di Kolej Komuniti Tampin. Aspek yang dikaji adalah berdasarkan mobiliti, penjimatan, kejelasan dan juga kepuasan pengguna sistem eCLupus. Dapatan dari kajian menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan inovasi eCLupus adalah berada pada tahap baik. Penggunaan sistem ini wajar diteruskan bagi membudayakan dokumentasi cemerlang dan memastikan permohonan pelupusan aset lebih lancar tanpa sebarang kesilapan.

Kata kunci: *Pelupusan Aset.*

1.0 PENGENALAN

Pengurusan aset yang melibatkan rekod pelupusan aset adalah perkara yang perlu diberi penekanan penting bagi memastikan kelancaran kelulusan pelupusan yang perlu melalui beberapa peringkat. Peringkat pertama adalah melengkapkan dokumen di Pusat Tanggunjawab (PTJ), iaitu kolej komuniti berkenaan. Seterusnya, permohonan Pusat Tanggunjawab (PTJ) akan dimajukan kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) untuk semakan sebelum diberikan kelulusan atau sebaliknya oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Sekiranya berlaku permohonan tidak lengkap atau tidak tepat, permohonan pelupusan akan dipulangkan semula kepada Pusat Tanggunjawab (PTJ) untuk dilengkapkan dan kebiasaannya, pengesanan semula bagi aset yang dicadangkan lupus akan menjadi lebih sukar apabila cadangan hanya diberikan dalam bentuk lisan sahaja. Justeru,

dokumen inovasi ini bertujuan untuk menghasilkan satu sistem perekodan data bagi cadangan pelupusan aset alih yang lebih mantap dan bersistematik. Ia juga menepati konsep pengurusan lean (*lean management*) yang terkandung dalam KPI 5: Bahagian Governan dan Kecemerlangan di dalam pernyataan KPI Pemantauan Kesepunyaan dan Kecerakanan (PK&K). Inovasi ini sememangnya mampu memenuhi elemen pengurusan *lean* iaitu menjimatkan masa menunggu, dimana kemungkinan berlakunya kesilapan dan kelewatan dalam penyediaan dokumen dapat dikurangkan dengan signifikan.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Pengkaji berminat untuk mewujudkan inovasi ini berdasarkan situasi di Kolej Komuniti Tampin. Aduan berkaitan keadaan aset dan cadangan pelupusan aset kebiasaanya dibuat hanya dalam bentuk lisan sahaja. Pengadu akan memaklumkan sama ada secara bersemuka atau melalui pesanan ringkas tanpa pengekodan aset yang tepat. Oleh itu, pegawai aset serta pegawai pelupusan aset akan mengalami kesukaran dalam merekod serta menyemak keadaan sebenar aset yang dimaksudkan. Pengadu sendiri kadang-kala terlupa dan tidak pasti dengan aduan yang dibuat pada mulanya. Akibatnya, berlaku kelewatan permohonan bagi pelupusan aset kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan memakan masa yang lebih dalam penyediaan dokumen lengkap berkaitan KEW.PA-21.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif bagi kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti tahap keberkesanan penggunaan inovasi eCadangLupus (eCLupus) di kalangan staf Kolej Komuniti Tampin.

4.0 KAJIAN LITERATUR

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti (Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Malaysia, n.d.). Aset adalah sesuatu yang berharga untuk dijaga dan digunakan sebaiknya bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan

awam. Oleh itu, pengurusan aset yang wajar dilupuskan (pelupusan aset) juga amat penting bagi memastikan aset yang dilupuskan tidak merugikan kerajaan. Contohnya, aset yang dicadangkan lupus itu mestilah sama ada telah usang, tidak ekonomi untuk dibaiki, mendatangkan mudarat sekiranya digunakan ataupun tidak lagi relevan untuk kegunaan semasa. Tapisan awal perlu dilakukan sebelum aset tersebut dimasukkan dalam senarai pelupusan bagi mengelakkan sebarang kesilapan dalam proses permohonan pelupusan.

5.0 METODOLOGI DAN SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan penggunaan inovasi bagi sistem eCLupus dalam pengurusan pelupusan aset. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif melalui edaran lampiran kaji selidik yang dihasilkan dalam bentuk *Google Forms* bagi memudahkan responden untuk memberikan maklum balas. Responden yang terlibat adalah seramai 10 orang di kalangan staf Kolej Komuniti Tampin yang menggunakan sistem eCLupus.

6.0 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrument kajian. Terdapat 3 item soalan yang melibatkan latar belakang demografi responden, iaitu soalan berkaitan nama, jawatan dan nombor telefon responden. Kemudian, 5 item soalan seterusnya adalah menjurus kepada kemudahan dalam penggunaan sistem eCLupus.

7.0 ANALISIS DATA

Skala Likert

- 1: Sangat tidak setuju / Sangat tidak berpuas hati
- 2: Tidak setuju / Tidak berpuas hati
- 3: Tidak Pasti / Tiada komen
- 4: Setuju / Berpuas hati
- 5: Sangat setuju / Sangat berpuas hati

NO.	SOALAN	1	2	3	4	5
1.	Sistem eCLupus mudah digunakan.				75%	25%
2.	Sistem eCLupus menjimatkan masa dan memudahkan capaian pantas untuk cadangan lupus aset.				75%	25%
3.	Saya jelas dengan penggunaan sistem eCLupus.				75%	25%
4.	Tahap kepuasan pengguna terhadap penggunaan sistem eCLupus.				62.5%	37.5%

Jadual 1: Analisis Keberkesanan Penggunaan Sistem eCLupus di Kalangan Staf Kolej Komuniti Tampin.

Berdasarkan Jadual 1, perbincangan adalah melibatkan analisis data terhadap keberkesanan penggunaan sistem eCLupus.

Terdapat empat (4) item soalan yang melibatkan skala likert. Item 1, 2 dan 3 melibatkan peratusan responden bersetuju (Skala 4) seramai 75% dan responden sangat bersetuju (Skala 5) seramai 25%. Item 4 melibatkan tahap kepuasan penggunaan sistem eCLupus iaitu seramai 62.5% berpuas hati (Skala 4) dan 37.5% responden menyatakan sangat berpuas hati (Skala 5) dengan penggunaan sistem eCLupus.

Berdasarkan jawapan positif bagi empat soalan di atas, dapat disimpulkan bahawa sistem eCLupus ini adalah berkesan bagi melancarkan pengurusan pelupusan aset.

NO. CADANGAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	POSITIF	NEGATIF	TIDAK PASTI
1.	Tiada cadangan.			√
2.	Cipta sistem yang boleh <i>auto generate</i> borang kerosakan juga.	√		
3. 4.	Sesuai untuk kegunaan mana-mana agensi.	√		
5.	Baik untuk digunakan di masa-masa akan datang. Mohon dikekalkan supaya dapat memudahkan pengguna.	√		
6.	Perlu hebahan luas.	√		
7.	Pemilik aset (PIC bilik) yang hendak melupuskan aset perlu memuatnaik 3 sisi gambar aset.	√		
8.	Tiada cadangan.			√
9.	Tiada cadangan.			√
10.	Tiada cadangan.			√

Jadual 2: Cadangan Penambahbaikan Sistem eCLupus

Berdasarkan Jadual 2, 6 daripada 3 responden memberikan cadangan yang positif sama ada dalam bentuk pujian dan penambahbaikan. 6 cadangan ini dikategorikan sebagai positif berdasarkan penggunaan bahasa serta maksud ayat yang cuba disampaikan oleh responden berkaitan.

8.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Pada keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan inovasi bagi sistem eCLupus adalah berada pada tahap yang baik. Sistem eCLupus ini wajar diteruskan bagi membudayakan dokumentasi yang kemas dan cemerlang serta meminimumkan kesilapan dalam penyediaan dokumen permohonan pelupusan.

9.0 RUJUKAN

Bahagian Akaun Kementerian Kewangan Malaysia, n.d.

ISLAMISASI ILMU SATU ANALISA DENGAN REALITI MASA KINI

Mohd Lokman Bin Ahmad
Politeknik Merlimau Melaka

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan tentang Islamisasi ilmu yang merupakan satu gagasan pemikiran yang lahir kesan daripada jatuhnya zaman kegemilangan tamadun Islam suatu ketika dahulu. Islamisasi ilmu diperkenalkan oleh Syed Naquib Al-attas pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam pada tahun 1977 namun selepas 39 tahun diperkenalkan, ia masih belum mencapai matlamat yang diharapkan. Penulisan kepustakaan analisis kandungan ini bertujuan untuk mengupas faktor yang menjadi halangan kepada konsep islamisasi ilmu dan idea alternatif dicadangkan untuk penambahbaikan. Salah faham terhadap islamisasi ilmu menjadikan ramai umat Islam keliru terhadap konsep ini dan ia perlu diperbetulkan kerana islamisasi bukan proses menggantikan ilmu yang baharu. Elemen lain yang dibahas merangkumi isu realiti penolakan umat Islam terhadap konsep Islamisasi di mana tidak semua menerima baik gagasan yang diperkenalkan dengan memberikan banyak alasan. Antara lain, guru dan pendidik muslim perlu memainkan peranan melalui islamisasi ilmu pengetahuan yang disampaikan kepada murid. Kurikulum Pendidikan Islam yang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga memainkan peranan untuk proses islamisasi ilmu dengan berpaksikan elemen ketuhanan.

Kata Kunci: *Islamisasi, Pendidikan, ilmu pengetahuan*

1.0 PENGENALAN

Islam amat menitik beratkan soal pendidikan dan ilmu pengetahuan ke atas umatnya. Bahkan wahyu pertama yang diturunkan adalah seruan menuntut ilmu melalui perkataan “bacalah”. Menurut Mohd Aderi et. al (2014) ayat ini dengan jelas membuktikan Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu pengetahuan. Melalui ilmu pengetahuan, manusia diharapkan dapat

melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya yang telah ditetapkan oleh Allah. Kenyataan ini selari dengan apa yang dijelaskan oleh al-Ghazali bahawa tujuan pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan mengabdikan diri kepadaNya serta melaksanakan amanah selaku khalifah di muka bumi ini (Silahuddin 2014).

Zaman kegemilangan Islam seperti zaman Abbasiyah dapat dilihat dengan wujudnya ‘baitul hikmah’ dan lahirnya tokoh ilmuan yang terkenal seperti Razi (865M), al-Kindi (874M), al-Farabi (950M), al-Biruni (973M), Miskawayh (1030M), Ibn Sina (1037M) dan Ibn Rush (1198M). tokoh-tokoh ilmuan tersebut menguasai ilmu agama dan menguasai cabang ilmu yang lain. (Yusof 2011, Diyan Yulianto & M.S. Rohman 2011). Perpecahan umat Islam dan berlakunya penjajahan ke atas negara-negara Islam, menyebabkan lunturnya ilmu pengetahuan dan pintu ijtihad di kalangan umat Islam, maka hubungan antara umat Islam dengan kegemilangan tamadun ilmu pengetahuan seolah-olah terputus dan kelihatan asing dengan Islam (Mohd Nasir 2005 & Sidek Baba 2006). Fahaman seperti sekularisme yang memisahkan agama dengan urusan keduniaan disebarkan melalui penjajahan barat ke atas negara-negara Islam dan ia memberi kesan bukan sahaja dalam bidang politik, ekonomi tetapi turut mempengaruhi sistem pendidikan dan kebudayaan (Che Yusoff, 1988). Kesannya umat Islam kini dilihat sebagai orang yang bermasalah (*the sick man of the world*), di mana umat Islam dilihat oleh dunia sebagai kelompok yang bermasalah, lemah, agresif, tidak berperaturan, ketinggalan zaman dan sebagainya (Mohd Nasir 2005)

Melihat kepada keadaan ini, para pemikir Islam mula memikirkan apakah tindakan yang perlu dilakukan sehingga gagasan Islamisasi ilmu diperkenalkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas pada Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam (*World Conference on Islamic Education*) yang pertama di Makkah pada tahun 1977 (Wan Mohd Nor 2005). Gagasan Islamisasi ini menurut al-Attas merupakan tindak balas atau reaksi terhadap sekulerisme dan pembaratan (*Westernization*) yang sedang dihadapi oleh umat Islam (Rosnani Hashim & Imron Rossidy 2000). Persidangan yang pertama pada tahun 1977 tersebut menjadi pencetus kepada beberapa siri persidangan dan gagasan idea terhadap proses Islamisasi ilmu.

Dapatlah difahami bahawa, Islamisasi merupakan satu gagasan pemikiran yang lahir akibat daripada jatuhnya zaman kegemilangan tamadun Islam yang pernah mempelopori pelbagai cabang ilmu, di mana tamadun dan ilmu mereka dijadikan rujukan, tetapi malangnya

kini umat islam hanya mampu untuk berbangga dengan sejarah nenek moyang mereka. Umat Islam masa kini hanya sekadar menjadi pengikut kepada kemajuan ilmu sains yang dikuasai oleh barat. Namun setelah 45 tahun gagasan Islamisasi ilmu ini diperkenalkan, mengapa ia masih lagi belum mencapai matlamat yang diimpikan?. Justeru penulisan ini berusaha untuk mengupas, faktor yang menjadi halangan dalam menjayakan gagasan pemikiran ini.

2.0 SALAH FAHAM TERHADAP ISLAMISASI ILMU

Untuk memahami konsep Islamisasi ilmu, kita perlulah mengetahui pengertian sebenar Islamisasi ilmu itu sendiri. Al-Attas (2005) menjelaskan Islamisasi ialah pembebasan manusia daripada tradisi tahyul, mitos, animisme, kebangsaan dan kebudayaan serta pembebasan akal dan bahasa daripada sekularisme. Pembebasan ini perlu dilakukan kerana, manusia cenderung lupa kepada hakikat kejadiannya, mudah alpa dan lalai terhadap tanggungjawab mereka (Wan Mohd Nor 2005). Sementara itu, menurut al-Faruqi, Islamisasi ilmu adalah menyusun semula pengetahuan dan mengaitkan dengan Islam. Syaifuddin (2013) mendefinisikan Islamisasi ilmu sebagai memberi wawasan (*world view*) keislaman ke dalam keilmuan umum.

Mohd Nasir (2005) mengatakan ada yang beranggapan Islamisasi ilmu ialah proses mengantikan ilmu sedia ada dengan ilmu baharu yang telah diislamkan. Pendapat ini bertentangan dengan konsep Islamisasi Ilmu yang diperkenalkan oleh al-Attas, menurut beliau Islamisasi ilmu bukan proses mengantikan ilmu sedia ada dengan ilmu yang baharu. Ia adalah proses pengasingan pengetahuan supaya bebas daripada elemen barat. Konsep utama disiplin ilmu tersebut diasingkan kemudiannya diselitkan dengan unsur-unsur dan konsep utama Islam yang bersifat semula jadi dan menepati fitrah. Hakikatnya ilmu yang disaring tersebut penuh dengan pengetahuan yang bermanfaat, bersifat semula jadi yang akhirnya membawa kepada pengetahuan yang sebenar (Rosnani Hashim & Imron Rossidy 2000).

Islamisasi ilmu dapat difahami sebagai membetulkan interpretasi manusia terhadap ilmu pengetahuan agar ia bertepatan dengan tujuan pendidikan seperti yang dijelaskan oleh Yahaya dan Azhar (2010) bahawa tujuan pendidikan terbahagi kepada dua iaitu tujuan keagamaan dan tujuan keduniaan. Tujuan keagamaan adalah berkaitan dengan pembelajaran ke arah ukhrawi, manakala tujuan kedua iaitu tujuan keduniaan yang mengarahkan manusia mendalami ilmu

dunia untuk meneruskan kehidupan di dunia ini. Secara analoginya proses Islamisasi ilmu bukanlah seperti proses mengislamkan seorang bukan muslim kepada agama Islam, atau menukar nama dan istilah kepada istilah arab untuk dilihat Islam tetapi ia sebenar lebih daripada itu. Islamisasi ialah satu usaha memperbetulkan sudut pandangan umat Islam untuk melihat semua ilmu ini benar-benar daripada Allah. Islamisasi ilmu boleh diumpamakan membersihkan emas yang dijumpai dalam lumpur. Emas itu tetap emas, walau ia kotor hanya perlu dibersihkan sahaja, dan emas tersebut tidak perlu ditambahkan lagi dengan emas untuk menjadikan ia emas. Begitulah hakikatnya ilmu pengetahuan itu.

3.0 REALITI PENOLAKAN UMAT ISLAM TERHADAP KONSEP ISLAMISASI ILMU.

Sebahagian umat Islam menerima dengan baik gagasan konsep Islamisasi ilmu ini. Semenjak diperkenalkan hampir 45 tahun dahulu ia menerima pelbagai reaksi. Menurut Abu Bakar (2015), terdapat umat Islam yang menerima dengan baik dan menganggap ia adalah permulaan kebangkitan semula tamadun Islam dan ada juga yang menolak dengan mengatakan gagasan Islamisasi ilmu sebagai ubat tahan sakit yang bersifat sementara untuk mengubati rasa kekecewaan akibat ketinggalan di belakang tamadun barat. Mereka mengatakan bahawa usaha ini adalah sia-sia dan membuang masa.

Melihat kepada respon umat Islam terhadap konsep Islamisasi Ilmu, Rosnani Hashim (2005) telah membagi kelompok ini menjadi empat golongan. Pertama, golongan yang sependapat dengan gagasan ini secara teori dan konsepnya dan berusaha untuk merealisasikan dan menghasilkan karya yang sejalan dengan maksud Islamisasi dalam disiplin ilmu mereka. Kedua, golongan yang sependapat dengan gagasan ini secara teori dan konsep tetapi tidak mengusahakannya secara praktis. Ketiga, golongan yang tidak sependapat dan sebaliknya mencemuh, mengejek dan mempermainkan gagasan ini. Dan keempat, kalangan yang tidak mempunyai pendirian terhadap isu ini. Mereka lebih suka mengikuti perkembangan yang dirintis oleh sarjana lainnya atau pun mereka tidak memperdulikannya.

Menurut Fazlur Rahman ilmu pengetahuan tidak perlu diislamkan kerana tidak ada yang salah di dalam ilmu pengetahuan. Masalahnya hanya jika menyalahgunakannya. Menurut beliau,

ilmu sains tidak salah, yang salah apabila manusia menyalahgunakan ilmu ini untuk membuat kerosakan di muka bumi. Apa yang pengkaji cuba memahami maksud beliau ini, konsep ilmu menurut Fazlur Rahman ialah seperti sebilah pisau yang boleh digunakan untuk melakukan kerja di dapur, namun jika pisau ini disalahgunakan ia mampu menjadi alat untuk membunuh. Fazlur Rahman turut menyatakan bahawa tidak perlu membazirkan waktu dan tenaga untuk melakukan Islamisasi ilmu ini (Adnin 2007).

Selain itu, Abdul Salam dan Pervez Hoodbhoy, berpandangan bahawa ilmu bersifat universal dan tidak ada sesuatu yang dinamakan ilmu Islam, ilmu Hindu, ilmu Yahudi, atau ilmu Kristian. Ilmu menurut mereka merentasi bangsa, agama dan peradaban (Ismail Thoib dan Mukhlis 2013). Konsep Islamisasi ilmu turut ditolak oleh Abdul Karim Soroush, menurutnya melakukan islamisasi ilmu sebagai perkara yang tidak logik dan mustahil. Alasan yang diberikan beliau ialah ilmu itu bersifat semula jadi, tiada istilah ilmu Islam atau ilmu kafir, ini kerana ilmu, metodologi, hasil dapatan dan permasalahan ketika proses mendapatkan ilmu pengetahuan tersebut adalah bersifat bebas dan tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama (Salafudin 2013). Manakala Mona Abaza (2002) Islamisasi ilmu tidak lebih seperti melakukan penjemajaan semula atau hibrid oleh barat dengan menjadikan tokoh yang memperjuangkan Islamisasi ilmu sebagai produk ciptaan kerana tokoh-tokoh ini sebenarnya telah mendapat pendidikan daripada sana.

Dapatlah difahami bahawa, antara halangan yang dihadapi untuk merealisasikan gagasan konsep Islamisasi Ilmu ini ialah dari kalangan umat Islam itu sendiri yang menolak dengan alasan tidak perlu membazirkan masa dan tenaga untuk melakukan Islamisasi Ilmu, cukup dengan mengalakkan umat Islam mempelajari dan menguasai ilmu tersebut agar tidak terus ketinggalan.

4.0 REALITI PERANAN GURU DAN PENDIDIK MUSLIM DALAM MENERAPKAN ISLAMISASI ILMU

Peranan pendidik pada masa kini menjadi semakin kritikal kerana pengaruh budaya dominan Barat yang berteraskan kepada kebendaan, keseronokan dan keduniaan melalui gelombang globalisasi yang makin meluas dan mengancam. Bagi menghadapi pengaruh ini, sistem pendidikan merupakan wadah utama, namun kita menyedari sistem pendidikan negara masih

belum kebal untuk menghadapinya. Oleh itu, bagi menangani masalah ini, umat Islam khususnya warga pendidik disaran melaksanakan Islamisasi ilmu Ahmad (1991). Para sarjana besar seperti al-Attas dengan berani menyatakan bahawa ilmu sains moden pada hari ini khususnya yang berkembang di Barat tidak neutral bahkan sarat dengan nilai dan fahaman Barat yang tidak serasi dengan pandangan alam Islam. Untuk itu, proses pemurnian atau Islamisasi diperlukan khususnya dalam bidang kurikulum (Noor Hisham 2012; Maisarah & Mohd Hazim Shah 2013).

Menurut Zuraidah (2012) ilmu yang bersifat individu dan ilmu sosial harus diperkasakan, manakala kurikulum, metodologi pengajaran dan pembelajaran (PdP) harus mengambil pendekatan pembaharuan. Integrasi dan Islamisasi ilmu adalah agenda terbaik yang harus menjadi agenda utama umat Islam. Antara langkah yang perlu bagi mencapai matlamat Islamisasi ilmu dalam dasar pendidikan negara ialah, pertama, pembetulan iaitu membetulkan fakta dan konsep yang bertentangan dengan Islam. Kedua, orientasi iaitu memasukkan pandangan, visi dan tafsiran Islam ke dalam disiplin ilmu yang berkaitan. Ketiga, penyelarasan iaitu menyelaraskan disiplin-disiplin ilmu yang bukan agama dengan ilmu agama. Keempat, kesepaduan iaitu menyepadukan seluruh ilmu dalam satu acuan atau paradigma yang berteraskan tauhid Minda Madani (2013).

Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, para sarjana Islam meletakkan harapan yang tinggi supaya gagasan Islamisasi ilmu ini diperjuangkan oleh umat Islam. Mereka tidak boleh membiarkan pemikiran dan kehidupan terus dijajah dan dibelenggu oleh sistem Barat yang jelas bertentangan dengan prinsip Islam. Realiti hari ini, adakah umat Islam telah bebas daripada cengkaman Barat dan Islamisasi ilmu telah berjaya digarap sepenuhnya dalam sistem pendidikan negara kita? Guru merupakan ‘kuasa besar’ yang berperanan untuk menggerakkan gagasan ini, tanpa sokongan daripada mereka, perjalanan proses Islamisasi ilmu akan terbantut. Guru bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan ilmu semata-mata, malah untuk membentuk murid sebagai persediaan kepada kehidupan seterusnya Mohd Aderi, Khadijah dan Ahmad Yunus (2015).

Nik Azis (1997) menyatakan guru merupakan faktor utama yang memastikan sesuatu kurikulum berjaya atau pun tidak, ini disebabkan mereka terlibat secara langsung sebagai pelaksana program. Mereka merupakan intipati bagi sesuatu proses reformasi. Perubahan tidak

akan berlaku sekiranya guru tidak memahami dan tidak bersedia untuk berubah ke arah membina tingkah laku yang baharu. Fakta ini disokong oleh Saharia (2015) yang menegaskan bahawa guru merupakan ejen penting dalam menyampaikan ilmu. Keberkesanan pendidikan bergantung kepada kesedaran mereka terhadap tanggungjawabnya sebagai pendidik. Oleh itu, peranan untuk menjayakan Islamisasi ilmu ini bukan hanya perlu dipikul oleh guru pendidikan Islam semata-mata, bahkan ia adalah tugas dan tanggungjawab semua guru beragama Islam.

Menurut Fathiyah (2010) guru atau pendidik ialah medium utama dalam konteks pendidikan formal bagi menerapkan iman, ilmu, amalan, penghayatan, akhlak dan ikhlas. Realitinya, pendidik khususnya di peringkat pusat pengajian tinggi telah memainkan peranan mereka untuk menggerakkan gagasan Islamisasi ilmu ini. Manakala di peringkat sekolah sama ada rendah dan menengah, pendidik menfokuskan kepada pendidikan bersepadu melalui kurikulum pendidikan bersepadu Noor Hisham (2015). Minda Madani (2013) menyatakan proses pendidikan sepadu merupakan cabang daripada proses Islamisasi ilmu. Kedua-duanya masih bergiat lancar di negara kita dan memerlukan sokongan daripada semua pihak bagi menjayakannya. Walaupun proses Islamisasi ilmu dan pendidikan bersepadu masih berterusan, namun tidak dapat dipastikan sejauh mana kesinambungan yang wujud di antara kedua-duanya.

Menurut Noor Hisham (2015) kedua-duanya gagal dilihat sebagai satu kesinambungan yang saling memerlukan untuk menghapuskan krisis pendidikan umat yang semakin tenat. Menurut beliau, terdapat dua cabaran besar dalam pelaksanaan gagasan pendidikan bersepadu. Pertama, agenda ini tidak lagi mendapat keutamaan bagi pihak kerajaan. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa banyak perancangan dan program pendidikan baharu yang dilancarkan tidak lagi seiring atau mendokong matlamat pendidikan bersepadu. Kedua, kemampuan dan kewibawaan guru untuk melaksanakan konsep kesepaduan ilmu adalah rendah. Pandangan ini disokong oleh Nur Eryanty dan Zanaton (2012) bahawa mereka yang mengajar sains tidak mempunyai kefahaman agama mendalam dan yang mengajar ilmu agama pula tidak mempunyai asas sains yang kukuh. Ketidakseimbangan antara dua bidang ilmu ini menghasilkan masyarakat Islam yang sekular iaitu beranggapan Islam hanya di masjid manakala sains hanya untuk kemajuan dan kemakmuran manusia.

Pada masa yang sama, masih ramai umat Islam termasuklah warga pendidik yang keliru, sangsi dan gagal memahami Islamisasi ilmu dengan baik Noor Hisham (2015). Oleh itu, bagi melestarikan kembali gagasan ini, para pendidik perlu mendapat kefahaman yang jelas tentang konsep Islamisasi ilmu dan mereka bersedia untuk menghayatinya dalam PdP di semua peringkat pengajian. Kefahaman tentang konsep dan kepentingannya akan menimbulkan rasa kebertanggungjawaban guru dan pendidik Muslim untuk menyedarkan umat daripada terpengaruh dengan sistem Barat yang melemahkan mereka. Hal ini ditegaskan oleh M. Ghufrani (2015) yang menyatakan Islamisasi ilmu adalah untuk melindungi umat Islam daripada ilmu yang sudah tercemar, menyesatkan dan menimbulkan kekeliruan. Ia juga bertujuan untuk mengembangkan keperibadian muslim yang sebenarnya sehingga dapat mengukuhkan keimanan kepada Allah dan memperolehi keamanan, kebaikan dan keadilan.

Pendidikan dalam Islam bersifat syumul yang mencakupi semua aspek iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ab. Halim dan Mohamad Khairul Azman (2010) menyatakan tujuan utama pendidikan ialah pembentukan akhlak dan rohani dan bukan sekadar bermatlamatkan kebendaan, maka keperluan seorang guru memiliki personaliti atau sahsiah yang unggul ialah satu kemestian dan sebagai syarat sebelum ia bertugas di sekolah-sekolah. Mereka menjadi ikutan dan boleh mempengaruhi muridnya kepada kebaikan. Namun begitu, masih terdapat segelintir guru yang tidak mempedulikan tentang Islamisasi ilmu dan konsep pendidikan bersepadu sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Saharia (2015) menyatakan sebahagian daripada guru masa kini tidak menepati kehendak FPK dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Menurut beliau, ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah bebanan tugas, tekanan ekonomi dan pengaruh sekularisme yang memisahkan tugas mengajar dengan ibadat. Kesan daripada faktor ini, penglibatan dalam bidang keguruan hanya untuk mendapatkan pendapatan bulanan yang baik sahaja dan mengabaikan tugas sebagai pendidik yang menjadi contoh kepada pelajar sama ada aspek tingkah laku, penampilan dan hubungan sosial.

Bagi menangani permasalahan tersebut, mereka yang dikenalpasti perlu diorientasikan semula melalui kursus dan latihan yang menfokuskan kepada pendidikan sepadu yang berasaskan akidah tauhid. Oleh itu, al-Nahlawi (1996) menyatakan seseorang pendidik perlu

sentiasa mempertingkatkan keilmuannya, pengetahuan yang mendalam terhadap mata pelajaran yang diajarnya serta menguasai ilmu pengetahuan lain seperti pengetahuan agama, sejarah, geografi, matematik, bahasa dan sebagainya. Sekiranya dibiarkan tanpa tindakan yang proaktif, ia akan membawa kesan negatif kepada usaha pembangunan insan yang seimbang. Sedangkan ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka dididik dengan sempurna untuk menjadi insan baik. Inilah yang ditegaskan oleh Tajul Ariffin dan Nor'aini (2002) bahawa cabaran sebenar seorang guru ialah bagaimana untuk memanusiaikan manusia iaitu membina insan di tengah-tengah era kegawatan dan kemusnahan moral, akhlak, adab dan tabii manusia.

Hakikat ini perlu disedari oleh semua warga pendidik Muslim dan mereka tidak boleh berdiam diri untuk menyelamatkan diri sendiri. Tugas dan tanggungjawab yang perlu digalas oleh guru ialah tugas yang berat dan tanggungjawab yang memerlukan pengorbanan. Malah dalam Islam, guru ditempatkan pada kedudukan yang mulia kerana guru berperanan mendidik akal dan roh iaitu dua unsur mulia pada diri insan Zainuddin (1991). Amanah yang diberi akan dipersoalkan oleh Allah dan bencana akan menimpa umat sekiranya mereka menjauhi petunjukNya. Oleh itu, warga pendidik sepanjang zaman perlu memainkan peranan mereka untuk menggerakkan gagasan Islamisasi ilmu ini. Guru bertanggungjawab merealisasikan tujuan pendidikan Islam yang tentu sekali berkait rapat dengan tujuan hidup dalam Islam iaitu untuk meraih kesempurnaan yang bersifat komprehensif iaitu kesempurnaan material dan spiritual (Rahman 1994; Sultan 1992).

5.0 PENERAPAN ISLAMISASI ILMU DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Dalam konteks kurikulum dan PdP, gagasan Islamisasi ilmu menerima semua bentuk pendekatan dan kaedah PdP selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip pendidikan Islam. Setiap pendekatan dan kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Apa pun pendekatan boleh digunakan selagi mana pembelajaran yang beradab dapat dihasilkan. Pendekatan tidak akan menjadi satu isu besar sekiranya intipati makna kandungan dan pengkaedahannya difahami dengan tepat Noor Hisaham (2011). Kejayaan PdP adalah bergantung kepada sejauh mana guru berjaya memainkan peranannya sebagai pendidik dalam

bilik darjah. Oleh itu, Yahaya dan Azhar (2010) menyatakan bahawa konsep kesepaduan dalam kurikulum sangat bergantung pada kaedah dan pendekatan guru dalam pengajaran. Seiring dengan itu juga, perwatakan, keilmuan dan kemahiran profesional guru memainkan peranan penting bagi membolehkan penyampaian ilmu secara berkesan tentang kepercayaan, pengetahuan, kemahiran dan pemahaman yang diperlukan pada setiap peringkat (Abdul Halim el-Muhammadi 1986; Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri. 2007).

Ilmu yang disampaikan oleh guru akan lebih bermakna kepada pelajar sekiranya terdapat elemen ketuhanan, nilai dan akhlak. Inilah yang diharapkan melalui FPK iaitu:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

FPK ini menjadi teras dalam segala program, perancangan dalam pendidikan negara. Paksi kepada FPK adalah ketuhanan. Berpandukan kepada FPK beberapa ciri penting dapat dirumuskan. Pertama, pendidikan adalah usaha untuk mewujudkan budaya ilmu di mana sekolah merupakan permulaan perjalanan ke arah penerusan pencarian ilmu sehingga ke akhir hayat. Kedua, manusia yang hendak dilahirkan oleh sistem pendidikan adalah manusia yang bermoral dan bertaqwa yang percaya dan patuh kepada tuhan. Ketiga, manusia yang akan muncul daripada sistem pendidikan adalah manusia yang seimbang dan harmonis dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek yang mempunyai ketrampilan dan ilmu pengetahuan yang dapat berpijak di atas kaki sendiri untuk berbakti dan berjasa kepada masyarakat dan negara. Minda Madani (2013)

Konsep pendidikan sepadu dinyatakan dengan jelas dalam FPK dan ia menjadi asas untuk menghasilkan matlamat, objektif, kurikulum dan PdP. Mohd Aderi dan Muhamad Zaid (2015) menyatakan bahawa kesepaduan dalam pendidikan yang menghubungkan ilmu dengan akidah

dan penciptaan Allah dilihat mampu menyediakan pelajar berakhlak mulia yang dapat menjalankan tugas sebagai khalifah Allah. Muhammad Syukri (2002) menegaskan bahawa untuk melaksanakan Islamisasi ilmu, PdP bagi ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah atau ilmu *naqli* dan ilmu *'aqli* mesti disepadukan. Kesepaduan tersebut mestilah difahami dalam kerangka ilmu fardhu ain dijadikan teras yang mengikat dan memandu ilmu fardhu kifayah. Realiti yang berlaku, adakah ilmu fardhu ain menjadi teras kepada ilmu fardhu kifayah dalam PdP atau sebaliknya? Aizan dan Khadijah (2012) menyatakan bahawa analisis kajian yang dibuat mendapati bahawa ilmu *naqli* belum mendasari ilmu *'aqli* yang diajar di institusi-institusi pendidikan Islam di Malaysia secara total. Ia diajar berasingan malah tidak bersepadu. Analisis ke atas kurikulum sains juga menunjukkan bahawa isi pengetahuan sains yang disampaikan hanya terbatas kepada ilmu akal sahaja tanpa dikaitkan dengan aspek ketuhanan Nur Eryanty dan Zanaton(2012).

Zuraidah (2012) menyatakan pendidikan umat Islam hari ini cenderung ke arah pendidikan yang mekanistik. Sains dan teknologi menjadi agenda utama hingga faktor keinsanan dan kemanusiaan dianggap kurang relevan. Menurut beliau lagi, dikotomi dan pemisahan antara ilmu mengurus diri iaitu ilmu fardhu ain dengan ilmu mengurus sistem iaitu ilmu fardhu kifayah telah menyebabkan daya intelektual tidak berkembang. Sedangkan Tajul Ariffin (2002) menyatakan untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh.

Nur Eryanty dan Zanaton (2012) pula menegaskan bahawa penyuburan elemen tauhid perlu diterapkan dalam kurikulum bermula peringkat rendah lagi. Berdasarkan kepada pandangan ini, kita dapati terdapat pertembungan antara hasrat yang diinginkan dengan realiti yang berlaku pada masa kini. Lebih parah lagi apabila umat Islam sekarang sedang mengotakkan kehidupan dan pendidikan mereka kepada dua aliran yang terpisah yang sepatutnya tidak berlaku iaitu kotak agama dan kotak kehidupan. Permasalahan ini turut terseret dalam bidang kurikulum Noor Hisham(2012).

Rosnani (1998) menyatakan bahawa permasalahan besar yang berlaku kini ialah ketidakupayaan untuk membina kurikulum yang sejiwa dengan falsafah pendidikan Islam yang memantulkan sifat fitrah insan dan tabii ilmu menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, para pemikir Islam masa kini secara khususnya perlu bangkit merencana dan menyedarkan semua pihak tentang kepentingan gagasan ini kepada umat supaya ia tidak terus terkubur. Ishaq (1989) menjelaskan betapa penting dan perlunya Islamisasi ilmu ini kepada umat Islam. Beliau mengemukakan tiga sebab kenapa umat Islam perlu kepada Islamisasi ini. Pertama untuk memelihara identiti Islam dan umat Islam perlu berbangga dengan budaya warisan mereka. Kedua, pendidikan adalah proses yang membina personaliti anak-anak muda dan generasi akan datang untuk berkhidmat kepada negara. Ketiga, seseorang individu itu perlu dididik dalam konteks budaya dan sistem nilai mereka untuk menjadi kreatif dan produktif.

Menyedari kepentingan Islamisasi ini, semua pihak tidak boleh berdiam diri, usaha yang bersistematik perlu diteruskan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Hal ini kerana matlamat dan tujuan Islamisasi adalah untuk mengembalikan generasi umat Islam kepada akidah tauhid dan seterusnya membina kegemilangan tamadun Islam. Mohd Aderi dan Muhamad Zaid (2015) menyatakan langkah untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam kini khususnya dalam melahirkan pelajar yang cemerlang, adalah dengan kembali berpegang kepada Kurikulum Pendidikan Islam yang bertunjangkan kepada konsep ketuhanan. M. Ghufrani (2015) menegaskan bahawa usaha yang mendesak harus dilakukan sekarang supaya gagasan Islamisasi tidak terhenti dan bukan hanya menjadi sebuah wacana dan perdebatan sahaja. Sedangkan pada masa kini, sama ada disedari atau tidak, proses Westernisasi terus berkembang di dunia Muslim tanpa ada sebarang usaha yang jelas untuk menghentikannya.

6.0 PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM SEBAGAI MEDIUM ISLAMISASI ILMU

Satu lagi aspek penting untuk menggerakkan gagasan Islamisasi ilmu ialah peranan pusat pengajian tinggi. Ia berperanan untuk mencorak pemikiran generasi baharu dengan wajah Islam melalui usaha ini. Realitinya hari ini, dunia menghadapi pelbagai cabaran globalisasi yang boleh menggugat identiti dan jati diri individu dan masyarakat sesebuah negara. Oleh itu, pusat

pengajian tinggi berperanan untuk menggerakkan gagasan ini dengan menyepadukan ilmu ketuhanan dengan ilmu kehidupan bagi menangani cabaran tersebut. Menurut Zuraidah (2012) penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah untuk merealisasikan beberapa pengertian daripada integrasi dan Islamisasi pada seluruh program. Pendekatan *major* dan *minor*, *double major* dan *double degree*, pentingnya bahasa Inggeris dan Arab sebagai pengantar pendidikan bersama dengan Islamisasi kegiatan kokurikulum, adalah usaha fundamental dalam mewujudkan pendidikan Islam dalam dunia kini. Falsafah UIAM menekankan pentingnya tauhid sebagai dasar pendekatan holistik dalam proses PdP. Visi dan misinya adalah Islamisasi, integrasi, pengantarabangsaan dan kecemerlangan keseluruhan (*comprehensive excellence*).

Menurut Norazmi et al. (2016) UIAM kini mempunyai 15 fakulti berteraskan disiplin ilmu yang pelbagai di samping penerapan ilmu-ilmu Islam. Konsep yang diamalkan di UIAM ialah Islamisasi ilmu terhadap beberapa bidang yang dibawa masuk dari Barat iaitu sosiologi, antropologi dan lain-lain. UIAM dilihat sebagai UA yang bersungguh-sungguh untuk menerapkan pengajian Islam terhadap pelajar-pelajarnya. Penubuhan UIAM ini telah memberi impak positif yang membawa kepada penubuhan pusat-pusat pengajian tinggi Islam lain. Kemunculan universiti-universiti Islam seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Kolej Universiti Islam Insaniah (KUIN), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam dan Teknologi (KIST), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan yang terkini Universiti Islam Malaysia telah mengubah demografik institusi pengajian Islam di Malaysia (Aizan dan Khadijah 2012).

Berdasarkan kepada perkembangan ini, kita mendapati bahawa usaha Islamisasi ilmu melalui pusat pengajian tinggi di negara ini begitu aktif dan membanggakan. Ianya telah memberi impak besar kepada masyarakat Islam, di mana ibu bapa lebih yakin untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang bercirikan integarsi kerana peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi lebih luas. Hairunnizam et al. (2006) menyatakan masyarakat kini amat dahagakan sekolah yang dapat menawarkan pendidikan agama dan pada masa yang sama dapat menawarkan pendidikan berasaskan kurikulum kerajaan.

Hasil kajian yang dijalankan oleh para penyelidik daripada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam tahun 1999- 2000; mendapati bahawa prospek kerjaya untuk graduan pengajian Islam adalah amat cerah sekali Marzuki (2003). Norazmi et al. (2016) menjelaskan bahawa prospek kerjaya yang cerah ini adalah hasil daripada proses Islamisasi dan integrasi ilmu yang diamalkan di UA dan IPT. Pelbagai program ditawarkan dari peringkat diploma sehingga ke ijazah lanjutan memberi ruang kepada pelajar melanjutkan pengajian dalam pelbagai disiplin ilmu. Bagi mengelakkan daripada pendekatan dikotomi sekularisme Barat, UA pengajian Islam telah memantapkan beberapa subjek utama, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Antara pendekatannya ialah memperkenalkan subjek yang mempunyai perkaitan antara Islam dengan persoalan dan disiplin moden seperti subjek sains dan teknologi, ekonomi, pengurusan, perundangan, pentadbiran awam dan sebagainya Idris (1995).

Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh pusat pengajian tinggi amat penting untuk melahirkan insan yang bukan sahaja boleh memberi manfaat kepada dirinya sahaja, bahkan kepada agama dan negara. Inilah harapan besar yang ingin dicapai melalui gagasan Islamisasi ilmu iaitu menjadikan umat Islam adalah umat yang terbaik. Firman Allah s.w.t dalam surah ali ‘Imran ayat 110:

“Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah.”

(Soenarjo S.H 2009: 94)

Konsep umat terbaik adalah berdasarkan kepada tiga dasar utama iaitu amar ma’ruf, nahi munkar dan beriman kepada Allah. Orang yang beriman kepada Allah akan bebas daripada segala pengaruh dan bentuk yang mempersekutukannya. Keimanan kepada Allah menjadikan jiwa manusia bebas, berdaya saing, dinamik dan dapat menghilangkan perasaan takut dan dukacita. Kemerdekaan jiwa kerana tauhid akan menimbulkan kemerdekaan kemahuan, berani menyatakan kebenaran demi kemaslahatan umat dan kemajuannya (Hamka 1987).

Di negara kita hari ini, Islamisasi ilmu masih bergerak lancar dan memerlukan sokongan dari semua pihak bagi menjayakannya. Sesungguhnya proses untuk melaksanakan dan

menjayakan hasrat ini akan mengambil masa. Kejayaannya bergantung kepada kesediaan pihak pemimpin, penggubal dasar, pendidik dan masyarakat dalam menghayati dan mengamali konsep Islamisasi ilmu. Idea besar ini akan menjadi malap dan sulit apabila ia diambil dan dipermudahkan oleh pendukung-pendukung yang tidak berhati-hati dalam melaksanakannya. Oleh itu, usaha-usaha ke arah Islamisasi ilmu di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini harus dikaji dari semasa ke semasa supaya keberkesannya terserlah seperti termaktub dalam gagasan awalnya. Minda Madani (2013)

7.0 KESIMPULAN

Untuk akhirnya, penulis menyimpulkan bahawa Islamisasi ilmu perlu dilakukan kerana bersesuaian dengan konsep dan prinsip yang jelas iaitu berlandaskan ketauhidan dan keimanan yang benar yang seterusnya akan membantu agama Islam itu sendiri untuk tidak disalahtafsirkan di dalam semua bidang terutama bidang pendidikan. Tetapi, terdapat sebahagian dari kalangan umat Islam itu sendiri yang menjadi batu penghalang perkara ini dengan menolak Islamisasi itu dengan pendirian bahawa tidak perlu membazirkan masa dan tenaga untuk islamisasi ilmu dan cukup sekadar menggalakkan umat Islam mempelajari dan menguasai ilmu tersebut.

